



● BIL 305 ● 14 - 20 MAC 2025 ● PP1944/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my

SOP KONSERT: *Ubah atau tidak?*

▶▶ 2-3

Pembaharuan
DBKL positif

>> 6

Menangani pembaziran
pada Ramadan

>> 8

Bahana gula-gula
terlarang

>> 9-11

Lebih baik tingkatkan pengawasan, kawalan

INSIDEN kematian ketika penganjuran sebuah konsert awal tahun ini melibatkan empat individu ekoran dadah mencetuskan perbincangan mengenai langkah keselamatan lebih ketat dalam acara hiburan.

Berikutan insiden tersebut, Kerajaan Negeri Selangor mencadangkan pelaksanaan ujian air kencing sebagai sebahagian daripada prosedur operasi standard (SOP) untuk penonton konsert bagi mengekang penggunaan dadah.

Walaupun bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan tidak menerima pakai cadangan tersebut.

Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil menyatakan bahawa tiada rancangan segera untuk menguatkuasakan saringan

sedemikian, tetapi kerajaan akan terus menilai keperluan perubahan kepada SOP konsert dengan kerjasama agensi berkaitan.

Menurut Pensyarah Kanan Komunikasi Liberal, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Dr Abdul Aziz Azizam**, pihaknya bersetuju dengan langkah diambil kerajaan dalam menangani masalah berkenaan serta berpendapat tiada keperluan untuk menjalankan ujian saringan air kencing ke atas pengunjung konsert.



ABDUL AZIZ

“Pertama sekali, dari segi keberkesanan dan pengendalian, ia menimbulkan banyak persoalan.

Bagaimana ia akan dilaksanakan? Bagaimana ia boleh dilakukan secara berkesan dan menyeluruh? Banyak laporan juga menunjukkan bahawa keberkesanannya diragui oleh faktor kesan masa.

“Selain itu, dari segi pengendalian, jika jumlah yang diperiksa kecil, mungkin tidak menjadi masalah. Tetapi jika melibatkan jumlah yang besar, ia akan menimbulkan pelbagai cabaran logistik dan operasi,”

katanya kepada Wilayahku.

Abdul Aziz berkata antara perkara yang perlu diperhalusi sekiranya hendak melaksanakan saringan berkenaan adalah kos kerana ia melibatkan perbelanjaan tinggi.


“Kos pelaksanaan ujian ini pasti tinggi dan akan membebankan pihak tertentu.

“Lebih baik jika usaha ditumpukan kepada peningkatan pengawasan dan pengawalan semasa konsert atau di tempat-tempat keramaian yang lebih efektif diperlukan,” katanya.

Beliau berkata pihak berkuasa perlu mencari kaedah dan solusi untuk langkah jangka masa panjang seperti kempen kesedaran dan sebagainya yang lebih memberi impak.

“Langkah ini bukan sahaja lebih praktikal, tetapi juga lebih sesuai dalam menangani isu penyalahgunaan bahan terlarang di acara hiburan untuk jangka masa panjang,” katanya.

Sebelum ini, Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Datuk Ruslin Jusoh berkata proses pengumpulan dan analisis sampel air kencing mengambil masa lama sekali gus menyifatkan cadangan tersebut tidak praktikal untuk dilaksanakan.

Jelasnya ia berdasarkan pemerhatian atau kecurigaan terhadap kelompok pengunjung tertentu yang mungkin membawa barang terlarang seperti dadah, namun pemeriksaan atau ujian air kencing boleh dibuat secara rawak terhadap individu tertentu. 

Ujian saringan air kencing tidak relevan

SOP ACARA HIBURAN: BEZAKAN ANTARA KONSERT, PARTI

LAPORAN: AINI MAWAWI, SERIMAH SALLEHUDDIN, METRA SYAHRIL MOHAMED, AZLAN ZAMBRY

SESUATU cadangan melibatkan prosedur operasi standard (SOP) terhadap penganjuran sesebuah acara hiburan perlu dibezakan antara konsert atau parti.

Perkara itu disuarakan pemilik Rumah Produksi Merah dan Awie Entertainment, **Datuk Awie** merujuk kepada pelbagai cadangan termasuk pengambilan sampel air kencing bagi mereka yang mahu menghadiri acara konsert.

Biar pun kerajaan menegaskan tidak merancang untuk melaksanakan cadangan berkenaan ketika ini, namun secara umumnya jelas Awie semua pihak perlu mengetahui beza antara dua acara tersebut.

Melihat cadangan pelaksanaan ujian air kencing itu sebagai tidak relevan dan tidak praktikal, selaku individu yang berpengalaman menganjurkan beberapa siri konsert rock berstatus mega, beliau juga kurang bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana menurutnya ia sukar dilaksanakan.

Awie berkata pihak yang memberi cadangan harus tahu perbezaan di antara parti yang disertai deejay dengan konsert rock mahupun pop.

“Pihak yang menyuarakan cadangan agar saringan air kencing dibuat kepada pengunjung konsert perlu terlebih dulu tahu membezakan antara konsert dan parti.

“Insiden yang berlaku pada malam tahun baru tempoh hari di Bandar Sunway bukan sebuah konsert tetapi lebih kepada parti kerana melibatkan deejay.

“Lazimnya untuk konsert rock



AWIE yang sudah berpengalaman menganjurkan konsert berpandangan bahawa ujian saringan air kencing sukar untuk dilaksanakan jika melibatkan jumlah penonton yang ramai.

atau pop, jarang penonton berada di bawah kawalan bahan terlarang. Memang konsert dan parti kelihatan seperti satu kumpulan yang sama tetapi keseronokannya lain-lain,” kata Awie.

Menyentuh mengenai saringan ujian air kencing, Awie berpendapat perkara itu sukar dilaksanakan.

Jelasnya jika diteruskan, penganjur terpaksa memulakan saringan seawal pagi tetapi belum tentu dapat diselesaikan apabila konsert bermula.

“Mungkin pihak yang mencadangkan perlu memikirkan mekanisme yang lebih praktikal daripada menyukarkan penganjur.

“Sekiranya ada 10,000 penonton untuk sesebuah konsert, bermakna pengunjung terpaksa datang sebelum subuh untuk jalani ujian air kencing.

“Silap-silap konsert dah bermula pun belum tentu saringan air kencing selesai dijalankan,” katanya.

Vokalis kumpulan rock legenda Wings yang sudah lebih empat dekad dalam industri itu juga berkata dalam hal ini setiap pihak perlu berada dalam situasi menang-menang.

Sementara itu menyentuh mengenai penganjuran konsert yang dikatakan tidak lagi relevan, Awie tidak bersetuju dengan pendapat itu.

Katanya penganjuran konsert memberi rezeki kepada banyak pihak.

Tindakan menghalang penganjuran konsert boleh menyebabkan banyak pihak hilang punca pencarian kerana konsert tidak hanya membabitkan penyanyi semata-mata.

Sebaliknya produksi konsert membabitkan kumpulan pekerja belakang tabir yang besar antaranya prop, jurutera bunyi, pemuzik, pencahayaan dan ramai lagi.

“Penganjuran konsert bukan saja mendatangkan rezeki kepada penganjur tetapi pekerja-pekerja lain di belakang tabir.

“Janganlah halang penganjur konsert untuk buat konsert. Sekurang-kurangnya mereka berusaha buat sesuatu untuk mendapatkan rezeki.

“Konsert bukanlah sekadar untuk seronok-seronok tetapi di sebaliknya terselit rezeki orang lain.


“Setidak-tidaknya pelajar lepasan universiti dalam bidang pengurusan acara juga boleh mendapat peluang pekerjaan dan mempraktikkan ilmu dipelajari di universiti menerusi acara seperti konsert,” katanya.

Sementara itu, Pengasas Icon Entertainment, Iman Tang yang berpengalaman menganjurkan konsert Datuk M Nasir CIPTA, Ada Apa Dengan Melly & Friends?, Dewa 19 A Night At The Orchestra Chapter 5 Live In Malaysia dan banyak lagi berpendapat syor ujian air kencing perlu dikaji semula.

Katanya ujian air kencing tidak perlu dilaksanakan di semua jenis konsert dan pihak yang mencadangkan tidak boleh memukul rata.

“Tidak adil untuk melaksanakan ujian air kencing bagi semua jenis konsert. Jangan pukul rata.

“Mereka yang dipertanggungjawabkan untuk meluluskan permit konsert diharap dapat membuat penyelidikan terperinci terhadap setiap permohonan dikemukakan.

“Apa yang sepatutnya adalah selidik sejarah setiap konsert yang pernah dianjurkan sebelum ini dan kenal pasti genre muzik dibawa yang sering berlaku insiden buruk hingga membabitkan kematian penonton,” katanya. 

Semak SOP bagi memastikan keselamatan penonton

PENDEKATAN LEBIH PRAKTIKAL

KERAJAAN dan pihak penganjur boleh mempertimbangkan pendekatan yang lebih praktikal seperti pemeriksaan secara rawak atau menggunakan kaedah saringan awal terhadap individu yang menunjukkan tanda-tanda mencurigakan ketika penganjuran konsert.

Ahli Parlimen Sri Gading, **Aminolhuda Hassan** berkata melalui kaedah tersebut penganjur perlu menguar-uarkan kepada pengunjung akan adanya pemeriksaan secara rawak sekali gus ia akan menyebabkan 'pesalah' tidak akan melakukan perkara yang diniatkan.

"Ini boleh dilakukan dengan penglibatan pihak keselamatan yang lebih bersedia dan teknologi yang lebih cekap," jelas beliau menyambut baik kenyataan Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil bahawa kerajaan bersedia meneliti prosedur operasi standard (SOP) konsert.

Tambahnya insiden seperti kematian dalam konsert baru-baru ini menunjukkan keperluan untuk menambah baik aspek keselamatan.

"SOP yang lebih ketat tidak semestinya menyekat penganjuran konsert tetapi memastikan semua pihak bertanggungjawab dalam memastikan keselamatan pengunjung."

"Saya memahami kebimbangan bahawa ujian air kencing mungkin dianggap rumit terutama jika melibatkan jumlah pengunjung yang ramai. Namun, aspek keselamatan harus menjadi keutamaan."

"Agensi Pusat Permohonan Penggambaran Filem dan Persembahan Artis Luar Negara (PUSPAL) sebagai badan yang



meluluskan penganjuran konsert sudah mempunyai garis panduan tertentu, tetapi dalam konteks insiden yang berlaku, semakan semula perlu dibuat bagi memastikan keselamatan penonton lebih terjamin," katanya.

Tambah beliau antara aspek yang boleh diperketatkan termasuk Sistem Pemantauan dan Pengesanan Awal di mana penganjur boleh diwajibkan untuk memasang kamera keselamatan berdefinisi tinggi di lokasi strategik bagi memantau pergerakan pengunjung secara masa nyata.

"Dalam kes seperti ini, penganjur dan penguatkuasaan keselamatan, kedua-duanya harus dipertanggungjawabkan. Penganjur perlu memastikan SOP keselamatan diikuti sepenuhnya, termasuk pemantauan terhadap sebarang

aktiviti haram dalam kawasan konsert.

"Pada masa sama penguatkuasaan keselamatan juga perlu lebih tegas, bukan sekadar formaliti, tetapi benar-benar berfungsi untuk mencegah insiden yang tidak diinginkan."

"Malah, paling penting pengunjung harus mengikuti peraturan jika tidak mahu konsert tidak dibenarkan langsung di Malaysia," tegas beliau.

Jelas Aminolhuda walaupun terdapat insiden yang tidak diinginkan, namun penganjuran konsert secara menyeluruh tidak boleh terus ditolak.

"Konsert mempunyai nilai ekonomi dan sosial tertentu, tetapi ia mestilah dianjurkan dengan lebih bertanggungjawab. Jika langkah-langkah keselamatan dapat diperketatkan dan dipatuhi, penganjuran konsert masih boleh diteruskan tanpa mengabaikan keselamatan orang ramai."

"Selain itu, perlu diingat bahawa industri hiburan ini melibatkan ribuan rakyat Malaysia yang bergantung

kepada sektor ini untuk mencari rezeki. Pekerja seperti kru teknikal, jurutera bunyi, pencahayaan, pengurus acara, peniaga kecil, penyedia makanan serta artis tempatan sendiri mendapat manfaat daripada industri ini."

"Sekatan atau pengharaman konsert secara total bukan sahaja akan menjejaskan punca pendapatan mereka, malah boleh memperlambatkan pertumbuhan industri kreatif negara," katanya.

Kata beliau pendekatan terbaik adalah memastikan penganjuran konsert dibuat dengan lebih ketat, teratur dan selamat tanpa perlu mengorbankan kepentingan ekonomi serta kebajikan mereka yang bergantung kepada sektor tersebut.

"Konsert bukan sekadar hiburan semata-mata, tetapi juga mempunyai manfaat lain. Ia boleh menjadi platform untuk memperkenalkan budaya seni yang lebih berkualiti, menarik pelancong, serta merangsang ekonomi tempatan melalui sektor perhotelan,

makanan dan perkhidmatan.

"Selain itu, konsert juga memberikan ruang kepada artis tempatan untuk berkembang di peringkat lebih luas," jelas beliau.

Menurut Aminolhuda tidak dinafikan setiap kali konsert antarabangsa dianjurkan, ia sering menerima sambutan hangat, tetapi pada masa sama, isu keselamatan dan moral turut menjadi kebimbangan.

"Jika langkah pengawalan terlalu ketat atau konsert diharamkan terus, ia boleh memberi kesan kepada industri hiburan, pekerjaan dalam sektor berkaitan serta pendapatan negara melalui pelancongan."

"Justeru, pendekatan seimbang harus diambil – iaitu memastikan konsert tetap dapat dianjurkan dengan kawalan keselamatan dan peraturan yang lebih baik tanpa menjejaskan kebebasan berkarya serta kepentingan ekonomi," katanya.

Terdahulu, beliau dalam sesi pertanyaan di Dewan Rakyat mengemukakan soalan mengenai perancangan Kementerian Komunikasi untuk melaksanakan cadangan ujian air kencing sebagai sebahagian daripada SOP untuk pengunjung konsert bagi membendung pengambilan dadah.

Media sebelum ini melaporkan Kerajaan Negeri Selangor mengesyorkan supaya ujian saringan air kencing dijadikan antara SOP terhadap pengunjung dalam usaha mengelak sebarang pembabit dan pengambilan dadah ketika penganjuran konsert di negeri itu.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) turut menyifatkan cadangan supaya ujian saringan air kencing dijadikan antara SOP terhadap pengunjung konsert untuk mengelak berlaku kes dadah, sebagai tidak praktikal kerana proses mengumpul serta menganalisis sampel urin mengambil masa yang lama. 📱



AMINOLHUDA



ZED ZAIDI

Buat pemeriksaan secara rawak - SENIMAN

CADANGAN mewajibkan ujian saringan air kencing terhadap penonton yang menghadiri sesebuah konsert dilihat tidak bersesuaian dan mampu memberi kesan jangka panjang kepada industri hiburan negara.

Presiden Persatuan Seniman Malaysia (SENIMAN), **Zed Zaidi** berkata langkah sewajarnya adalah melakukan ujian secara *random* atau rawak terhadap mereka yang disyaki mengambil bahan terlarang semasa konsert.

"Kalau semuanya kena diperiksa, memang tak akan ada konsertlah jawabnya, atau orang tak akan datang untuk menonton konsert."

"Kita bila beri cadangan, biar lebih adil atau lebih logik. Bukan kita kata tak bagus (cadangan

ujian saringan), cuma kalau terlalu ketat sampaikan polisi dan dasar dilaksanakan terlalu tegas, nanti banyak peluang penganjuran konsert terlepas begitu sahaja."

"Buat (undang-undang) biar lebih fleksibel dan penguat kuasa boleh datang, buat pemeriksaan secara *random*, bukannya melibatkan semua penonton," katanya kepada Wilayahku.

Beliau memberi maklum balas terhadap cadangan pelbagai pihak supaya kerajaan menguatkuasakan arahan ujian

saringan air kencing kepada penonton konsert.

Zed atau nama sebenarnya Rozaidi Abdul Jamil berkata sebagai bekas Jawatankuasa Pemulihan Dadah Daerah Dang Wangi, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Wilayah Persekutuan, pemeriksaan secara *random* adalah satu bentuk psikologi kepada mereka yang mengambil barang terlarang.

"Kalau nak buat ujian kepada semua, mungkin ramai yang tak akan datang menonton konsert."

"Kalau buat secara *random*, penonton tak akan tahu bila penguat kuasa nak datang, itu lagi menakutkan. Secara psikologinya, orang tak akan ambil bahan terlarang semasa konsert."

"Jika sesebuah konsert itu dihadiri berpuluh-puluh ribu penonton, berapa lama masa hendak ambil untuk membuat pemeriksaan?" soalnya.

Beliau kemudiannya memetik agenda AADK sebelum ini mengenai isu penagihan dadah.

"Penagih itu macam kencing manis. Kalau nak suruh sihat, ia makan masa tetapi benda itu (penagihan) tetap ada, jadi dapat kurangkan, itu agenda sebelum ini," katanya.

Beliau berkata pemeriksaan

secara *random* adalah lebih praktikal kerana agensi terlibat tahu 'bahasa badan' dan gaya mereka yang mengambil bahan terlarang seperti dadah.

"Sebelum ini kita ada buat kajian antara SENIMAN, AADK dan Universiti Multimedia Malaysia (MMU) mengenai penyalahgunaan dadah dalam kalangan selebriti, kajian kes melibatkan muzik, filem dan drama."

"Jadi dari situ kita tahu bahasa digunakan mereka yang terlibat dadah. Berbalik kepada cadangan saringan ujian air kencing semasa konsert, buat secara *random* kerana penguat kuasa tahu lengkok mereka yang mengambilnya (dadah) berbanding nak uji semua penonton," tegasnya. 📱

RTM turut amalkan konsep liputan berimbang KERAJAAN MADANI JAMIN KEBEBASAN MEDIA

BARU-BARU ini tular kembali isu kerajaan bimbang dan takut dengan fakta-fakta yang akan menjatuhkan kepimpinan sekarang.

Maka bermulalah segelintir netizen yang kononnya tahu semua perkara, mendakwa organisasi media sekarang tidak bebas membuat laporan berita kerana Kerajaan MADANI tidak boleh dikritik atau ditegur.

Dakwa tersebut tidak berasas sama sekali kerana Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil memberi jaminan Radio Televisyen Malaysia (RTM) diberi kebebasan melaporkan berita tanpa sekatan termasuk kes berprofil tinggi melibatkan individu tanpa mengira pangkat, agama dan bangsa.

Dalam jawapan bertulis kepada Dewan Rakyat minggu lalu, Fahmi menegaskan bahawa sepanjang 2024 sehingga 15 Januari lalu, RTM telah memaparkan lebih 30 kes salah guna kuasa dalam laporan berita sama ada di televisyen atau radio.

"Malah ada di antara kes-kes tersebut diberi liputan dari peringkat awal sehinggalah ke proses percabaran dan jatuh hukum oleh mahkamah," katanya.

Tambah Fahmi RTM menerusi ketiga-tiga platform penyiarannya mengamalkan konsep liputan berimbang dan bertanggungjawab



FAHMI ketika menjawab isu kebebasan media di Dewan Rakyat.

tanpa mengambil kira fahaman politik dan subjek liputan.

"(RTM) mengutamakan faedahnya kepada rakyat dan negara, selagi tidak melibatkan provokasi kepada mana-mana pihak," kata Fahmi.

Beliau berkata demikian sebagai jawapan kepada soalan dikemukakan Hassan Saad (PN-Baling) yang meminta penjelasan mengenai langkah-langkah diambil kerajaan untuk memastikan kebebasan media dan kebebasan bersuara terjamin tanpa menyekat

laporan kritikal terhadap isu salah guna kuasa.

Sementara itu, pendirian kerajaan yang disampaikan Fahmi sekali gus menegaskan kerajaan sentiasa menyokong prinsip kebebasan media serta menjamin hak kebebasan bersuara rakyat menurut Fasal 1(a), Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan.


Bagaimanapun jelasnya kebebasan bersuara bukan bersifat mutlak, ia perlu dilaksanakan dengan bertanggungjawab dan beretika, mengambil kira

kepelbagaian budaya dan agama yang mencorakkan masyarakat Malaysia.

Justeru beliau mengesyorkan pengamal media merujuk kepada Kod Kandungan 2022 (Kod Kandungan) yang memberikan panduan jelas berhubung standard kandungan yang selaras dengan Akta 588 dalam memastikan pelaporan yang bertanggungjawab selain daripada melangkaui batas kebebasan media.

Ahli Parlimen Lembah Pantai itu turut menekankan bahawa Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan melalui Fasal 2(a) memperuntukkan dengan jelas bahawa Parlimen boleh melalui undang-undang mengenakan apa-apa sekatan yang didapati perlu atau suai manfaat, antara lain, demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya dan ketenteraman awam atau prinsip moral.

Selain itu, menteri terbabit menyatakan komitmen Kementerian Komunikasi dalam menjamin kebebasan media dimanifestasikan melalui Rang Undang-Undang (RUU) Majlis Media Malaysia yang dibentangkan dalam mesyuarat Parlimen kali ini.

RUU itu katanya, membuka jalan ke arah media yang lebih demokratik, bebas dan beretika di Malaysia. 

PSB tak hapus bangsa Melayu

KECOH baru-baru ini apabila pindaan Rang Undang-undang (RUU) Pembaharuan Semula Bandar (PSB) dikatakan kononnya taktik halus menyingkirkan Melayu daripada menetap di kawasan bandar dengan menurunkan nilai ambang persetujuan bagi pembangunan semula kawasan perumahan strata.

Bukan itu sahaja terdapat segelintir netizen mendakwa rakyat sukar untuk mempercayai jaminan kerajaan bahawa pindaan undang-undang berkenaan tidak akan menjejaskan orang Melayu di bandar. Mereka menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim suka bercakap bohong dan tidak menunaikan janji-janji.

Bukan itu sahaja, kata mereka kalau RUU PSB dilaksanakan, hanya orang kaya sahaja tinggal di bandar, orang Melayu nak pergi mana?

Menurut Ketua Pengarah Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia), Dr Alias melalui akta ini, bukan sahaja hak penduduk dan pemilik asal bangunan usang yang hendak dibangunkan ini akan mendapat keutamaan untuk tinggal semula di



AKTA PSB bukan bertujuan menghapuskan bangsa Melayu serta golongan B40 dan M40 di bandar.

sini bahkan jauh sekali menghalau orang Melayu dari bandar.

Beliau menafikan dakwaan bahawa PSB akan menghapuskan bangsa Melayu serta golongan B40 dan M40 di bandar.

Beliau berkata kerajaan memegang teguh 10 prinsip bagi memastikan ketelusan pentadbiran dan menjamin hak pemilik hartanah berdaftar dalam membangunkan rang undang-

undang itu.

"Antara prinsip utama RUU PSB adalah mendapatkan persetujuan pemilik, pengkalan penduduk asal dan menjaga kepentingan pemilik tanah dan penyalaraan kos caj penyelenggaraan yang wajar.

"Penggubalan RUU PSB tidak sama sekali menyebabkan pindaan kepada akta-akta lain seperti yang disebut oleh Ahli Parlimen Kota Bharu iaitu Perlembagaan


Persekutuan, Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah 1960," katanya.

Mengulas lanjut Alias berkata RUU PSB akan melengkapi dan mempunyai peruntukan tambahan bagi menjaga hak dan kepentingan pemilik dan pemunya hartanah sedia ada.

Beliau berkata kajian kepada lebih 17 akta berkaitan pembangunan hartanah telah dilaksanakan bagi mengelakkan pertindihan dan percanggahan dari sudut perundangan.

Sebelum ini Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan dan memberi jaminan bahawa pemilik asal hartanah tidak akan diusir daripada pemilikan tanah atau premis secara paksaan susulan Akta PSB.

Malah katanya kerajaan akan memastikan setiap pemilik asal hartanah memahami hak serta perlindungan yang akan diberikan.

Menurut beliau Akta PSB telah diusulkan sejak 2013 sebelum proses pengumpulan data dimulakan pada 2015, maka tidak timbul soal gopoh untuk melaksanakan akta berkenaan. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

17/2 - 16/4/25: Pameran Mengenang Asal Usul: Menyingkap Naratif Budaya @ Jabatan Muzium Malaysia

20/3 - 24/3/25: KL Mega Raya Fest @ KL BASE

27/4/25: OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



PUTRAJAYA

28/2 - 30/3/25: Festival Ramadan Putrajaya 2025 @ PPj

11/5/25: Generali Malaysia Run 2025 @ Dataran Wawasan

5/7/25: Ecotrail Putrajaya



LABUAN

22/4 - 27/4/25: Labuan International Sea Challenge

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

Sebagai Exco Kerajaan Negeri Selangor, apakah keutamaan utama YB untuk 2025?

Keutamaan saya adalah memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan, memfokuskan kepada peningkatan kesejahteraan rakyat, pengurangan jurang pendapatan dan pembangunan infrastruktur yang efisien.

Saya akan memberi tumpuan kepada penyelesaian isu kemiskinan, pengurusan sisa dan alam sekitar serta meningkatkan peluang pekerjaan yang berkualiti. Semua inisiatif ini sejajar dengan agenda keseluruhan kerajaan negeri yang mengutamakan pembangunan berteraskan kesejahteraan sosial, keadilan ekonomi serta kelestarian alam sekitar.

Apakah cabaran terbesar yang YB hadapi dalam portfolio semasa dan bagaimana YB merancang untuk menangannya?

Sebagai Exco Pembasmian Kemiskinan keutamaan saya adalah untuk mensifarkan kemiskinan tegar. Walaupun telah nampak sesetengah keluarga berjaya keluar dari kelompok kemiskinan, namun saya belum berpuas hati disebabkan konsistensi keluarga tersebut yang belum mencapai tahap yang dibanggakan. Saya lihat kawasan Anjung Utara Selangor bermula dari Kuala Selangor hingga ke Sabak Bernam antara kawasan yang banyak perlu dibantu lagi.

Namun usaha dan perancangan untuk ke arah itu telah dilakukan dan menampakkan beberapa perubahan antaranya peningkatan ekonomi keluarga tersebut apabila mereka diberi peluang dalam permohonan Program Bantuan Blueprint dari Kerajaan Negeri Selangor, mereka telah memanfaatkan bantuan barangan tersebut dengan membuka perniagaan dan membolehkan mereka berdikari meningkatkan pendapatan keluarga.

Pemberian baucar Jom Shopping Perayaan (JSP) secara *one-off* juga banyak membantu keluarga yang miskin ketika menjelang sambutan perayaan walau impaknya kecil namun ia amat bermakna bagi setiap keluarga. Agenda mengangkat peranan rakyat Selangor terus diberi penekanan lebih ke hadapan melalui Jawatankuasa Tetap Sumber Manusia yang terdapat di bawahnya Ketua Penyelaras Unit-unit antaranya MySEL - Program Pusat Dokumen Pengenalan Diri, manakala di bawah Jawatankuasa Tetap Pembasmian Kemiskinan terdapat program UPPS - Unit Pemberdayaan Pekerja Selangor, iSEED - Program Bantuan Peralatan Usahawan India Selangor dan Unit Komunikasi Orang Asli.

Apakah inisiatif yang sedang dilaksanakan untuk menangani isu di DUN Banting?

Sebagai ADUN Banting, isu jenayah, penyalahgunaan dadah serta pendidikan antara perkara yang diberikan keutamaan termasuk isu infrastruktur. Antara

TUMPUAN SIFARKAN MISKIN TEGAR SELANGOR

PELANTIKANNYA sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri atau Exco Selangor menandakan detik penting kepada Yang Berhormat (YB) **V. PAPPARAIDU**. Beliau sebelum ini pertama kali diberikan peluang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Banting dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Selangor 2023.

Menang dengan majoriti besar, beliau diamanahkan dengan portfolio yang menyentuh nadi kemajuan masyarakat — Sumber Manusia, Pembasmian Kemiskinan, Hal Ehwal Orang Asli dan Minoriti, selain menjaga keharmonian beragama melalui LIMAS—peranan beliau tidak kurang daripada transformatif selepas 15 tahun berpengalaman sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Kepada wartawan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY** beliau berkongsi bahawa tanggungjawab tersebut bukan sekadar jawatan sebaliknya ia adalah seruan untuk bertindak dan membuktikan keupayaan merapatkan jurang di antara masyarakat dan meningkatkan taraf serta kualiti hidup golongan rentan di Selangor yang merangkumi semua bangsa, kaum dan agama.



V.PAPPARAIDU (dua dari kanan) ketika penyerahan bakul makanan di Banting, Selangor.

inisiatif yang saya telah dan masih lakukan adalah pemberian wang tunai saguhati sebanyak RM500 kepada anak-anak yang memperoleh keputusan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang serta kepada yang melanjutkan pelajaran ke Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS).

Tidak dilupakan juga sebanyak RM200 wang tunai diberikan kepada yang mempunyai pencapaian baik dari segi akademik dan sukan di peringkat daerah dan negeri. Pendidikan adalah perkara utama yang perlu diberikan perhatian serius supaya isu-isu lain dapat dihapuskan untuk tidak terus membarah di dalam kalangan masyarakat. Pendidikan ini antara inisiatif utama manifesto pilihan raya lalu yang saya tunaikan kepada rakyat Banting selain dari segmen lain iaitu belia, usahawan, warga emas serta isu-isu Infrastruktur.

Bagaimanakah YB memastikan pembangunan DUN Banting adalah inklusif dan memberi manfaat kepada semua komuniti?

Setiap pembangunan yang akan dan telah dilaksanakan akan melibatkan agensi pelaksana daripada pelbagai peringkat sehingga ke peringkat pimpinan

masyarakat.

Saya percaya dengan cara ini, peranan pihak berwajib serta pemimpin setempat seperti Ketua Masyarakat, Ketua Kampung, Ketua Komuniti dan Ahli Majlis Perbandaran akan memberikan impak kepada seluruh masyarakat dan manfaat itu dapat diterima dan dirasakan oleh penduduk.

Apakah langkah yang diambil untuk mengukuhkan keharmonian kaum dan agama dalam kalangan masyarakat yang berbeza?

Terdapat andaian sesetengah pihak yang kerap mengapi-apikan perpaduan rakyat negara kita ini dengan mengetengahkan isu agama dan bangsa. Walhal semua pihak sudah maklum keunikan masyarakat negara kita yang telah sekian lama diwariskan oleh nenek moyang.

Saya mempunyai ramai kenalan daripada pelbagai bangsa dan agama dan kami tidak mempunyai apa-apa masalah untuk menunaikan tanggungjawab memenuhi kepercayaan masing-masing. Sikap saling hormat-menghormati antara masyarakat amat penting di dalam negara kita yang berbilang bangsa ini. Keunikan yang tidak ada di negara lain ini adalah sumber kekuatan negara.

Apakah inisiatif yang diambil bagi menangani masalah kemiskinan di Selangor?

Kemiskinan adalah cabaran besar yang masih dihadapi oleh sesetengah lapisan masyarakat di Selangor. Sebagai Exco, saya telah mengemukakan beberapa inisiatif untuk menangani masalah ini. Antaranya ialah memperkenalkan program bantuan ekonomi dan latihan kemahiran kepada golongan kurang bernasib baik. Saya juga menyokong inisiatif kerajaan negeri dalam menyediakan perumahan mampu milik serta sokongan kepada usahawan mikro melalui pembiayaan mudah dan latihan. Semua usaha ini adalah selari dengan kerangka Malaysia MADANI, yang menekankan kesejahteraan rakyat, pembangunan inklusif dan kebajikan sosial tanpa mengira latar belakang sesuatu kaum dan bangsa.

Memandangkan kita berada di bulan Ramadan, apakah inisiatif YB yang diambil bagi meningkatkan persefahaman dalam kalangan kaum?

Saya percaya bahawa kedatangan Ramadan adalah penting untuk meningkatkan

perpaduan dan persefahaman antara kaum di Selangor. Sebagai contoh, ramai orang bukan Melayu teruja dengan kehadiran bazar Ramadan dan turut sama memeriahkan lagi bazar tersebut dengan membeli juadah yang disediakan.

Di sini, jelas dapat dilihat, bulan Ramadan menyatukan rakyat serta menggerakkan ekonomi setempat. Saya juga mengambil kesempatan dengan mengedarkan kurma untuk orang ramai serta menganjurkan Program Kacau Bubur Lambuk dengan penglibatan Ketua Kampung, Ketua Komuniti India, Ahli Majlis serta komuniti masyarakat khususnya di DUN Banting.

Selain itu, inisiatif seperti program terbuka puasa bersama komuniti dan penganjuran aktiviti kebajikan yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum adalah antara langkah yang diambil. Bagi saya, bulan Ramadan adalah penuh makna dan menjadi ruang untuk mengukuhkan lagi perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat berbilang kaum.

Adakah YB berpuas hati terhadap perkhidmatan sebagai ADUN?

Sebagai ADUN yang baru dipilih, saya merasa amat bersyukur dan teruja dengan kepercayaan yang diberikan oleh rakyat. Walaupun ini adalah penggal pertama saya dalam jawatan ini, saya berusaha untuk memahami dan memenuhi harapan serta keperluan masyarakat. Saya melihat tugas ini sebagai satu amanah yang sangat besar dan sentiasa terbuka kepada pandangan rakyat untuk memperbaiki perkhidmatan. Kerjasama daripada semua pihak, termasuk warga Selangor, adalah kunci kepada kejayaan kami dalam memenuhi aspirasi rakyat.

Ada dakwaan mengatakan YB dilantik ke jawatan sekarang bukan kerana merit, sebaliknya menggantikan abang YB sebelum ini, apa komen YB?

Saya tidak setuju dengan kenyataan tersebut kerana dalam lantikan untuk sesuatu jawatan lebih-lebih lagi peringkat kerajaan negeri tidak boleh bersandarkan keluarga atau kenalan.

Saya telah berkhidmat dan berpengalaman memegang jawatan sebagai Ahli Majlis MBSA melebihi 15 tahun dan saya telah memenangi Pemilihan DAP Negeri Selangor bagi penggal 2024-2027 dan dilantik sebagai Setiausaha Organisasi Negeri Selangor. Apabila saya diberi peluang untuk memperluaskan khidmat, saya tidak boleh tolak kerana tugas saya sememangnya berkhidmat kepada masyarakat dan ini antara peluang yang diperolehi untuk membantu lebih ramai rakyat.



Peniaga berpuas hati terhadap pengurusan tapak niaga

PEMBAHARUAN DBKL POSITIF

AZLAN ZAMBRY

PENJAJA dan peniaga bazar Ramadan dan Aidilfitri menyatakan kegembiraan berikutan pembaharuan yang dibuat dalam pengurusan tapak sejak ia diambil alih dan diuruskan sepenuhnya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata maklum balas tersebut diperoleh pihaknya sepanjang sesi turun padang dengan peniaga tidak melepaskan peluang mengemukakan cadangan serta maklum balas terhadap pengurusan tersebut.

"Mereka juga mengucapkan terima kasih kepada DBKL dan saya harap apa-apa cadangan mengenai pengoperasian bazar ini akan diambil perhatian dan ditambah baik pada penganjuran bazar tahun akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas membuat tinjauan operasi Bazar

Aidilfitri Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR) baru-baru ini.

Tinjauan itu turut disertai Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sulizmie Affendy Sulaiman dan Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosioekonomi DBKL, Ismadi Sakirin.

Ia diadakan susulan aduan dan maklum balas yang diterima mengenai susunan gerai *back-to-back* yang dilaksanakan di kawasan bazar.

Datuk Bandar turut meneliti aspek pengurusan bazar, keselamatan pengunjung serta keselesaan peniaga bagi memastikan kelancaran operasi sepanjang musim perayaan ini.

Beliau diberi taklimat oleh pegawai bertugas sebelum meluangkan masa meninjau bazar dan berinteraksi bersama para peniaga serta menilai keberkesanan susun atur gerai.


Malah beliau juga meninjau



MAIMUNAH berbual bersama seorang peniaga bagi mendapatkan maklum balas mengenai pengurusan bazar di Bazar Aidilfitri Jalan Tuanku Abdul Rahman (TAR).

aspek kawalan keselamatan dan keadaan lalu lintas di sekitar kawasan bazar bagi memastikan keselesaan semua pihak.

Maimunah memberitahu DBKL komited untuk terus mempertingkatkan pengurusan bazar agar suasana perniagaan

lebih teratur serta memberikan pengalaman membeli-belah yang selesa dan selamat buat warga kota. 

Aktiviti penjaja warga asing terus digempur

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terus memperhebat operasi penguatkuasaan bagi membanteras aktiviti penjaja tanpa lesen dan penjaja warga asing di sekitar ibu kota serta mengenakan tindakan tegas dilaksanakan di Pasar Borong Kuala Lumpur, Pasar Harian Selayang dan Jalan Damanlela, Segambut.

Dalam operasi yang dijalankan pada 10 Mac di Pasar Borong Kuala Lumpur dan Pusat Bandar Utara, DBKL mengenakan tiga tindakan sita terhadap penjaja tanpa lesen yang dikendalikan oleh bukan warganegara.

"Tindakan ini diambil mengikut Undang-Undang Kecil Pelesenan dan Penjajaan (WPKL) 2016. Semua barangan yang disita telah dihantar ke Setor Sitaan Jalan Lombong, Taman Miharja, Cheras untuk tujuan rekod dan dokumentasi," jelas DBKL.

Sebelumnya pada 8 Mac, DBKL bersama agensi sahabat termasuk Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Majlis Perbandaran Selayang melaksanakan operasi bersepadu 'KL Strike Force' di sekitar Pasar Harian Selayang.

"Dalam operasi ini, enam premis perniagaan yang meletakkan barangan di tempat awam dikenakan tindakan sita serta merta dengan empat daripadanya dikendalikan oleh bukan warganegara. Tindakan diambil di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974," katanya.

Sementara itu, DBKL melalui



PENGUAT kuasa DBKL melakukan operasi bersepadu KL Strike Force di sekitar Pasar Harian Selayang, Kuala Lumpur.


Jabatan Penguatkuasaan dan Jabatan Imigresen Kuala Lumpur (JIMKL) turut mengambil tindakan khas di Jalan Damanlela, Segambut.

"Dalam operasi ini, sembilan kompaun dikeluarkan di bawah UUK 3(1), Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja (WPKL) 2016, selain satu kes tindakan sita serta satu lagi kompaun mengikut Seksyen 46(1)(d) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

"JIMKL turut menahan tiga warga

asing yang tidak memiliki dokumen sah," katanya.

DBKL menegaskan bahawa pemantauan dan operasi penguatkuasaan akan terus dipergiat di lokasi-lokasi tumpuan bagi memastikan Kuala Lumpur bebas daripada aktiviti penjajaan tanpa lesen.

Orang ramai yang mempunyai aduan boleh menyalurkan maklumat menerusi portal Adu@KL di pautan adukl.dbkl.gov.my. 



DBKL melaksanakan persampelan air minum di Service Reservoir Outlet Kolam Air Bukit Weld dan Treatment Plant Outlet Loji Bukit Nanas.

Air minum warga KL selamat

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memberi jaminan kualiti air minum di ibu kota berada dalam keadaan selamat selepas menjalankan pemantauan dan persampelan di dua lokasi utama bekalan air.

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL melaksanakan pemeriksaan di Service Reservoir Outlet Kolam Air Bukit Weld dan Treatment Plant Outlet Loji Bukit Nanas, dua sumber bekalan utama penduduk Kuala Lumpur.


Menurut DBKL, hasil pemeriksaan menunjukkan bacaan fizikal air di kedua-dua lokasi itu mematuhi piawai yang ditetapkan, dengan semua parameter In-Situ berada dalam

jujut standard yang selamat.

"Kami turut mengambil sampel mikrobiologi untuk dianalisis oleh Jabatan Kimia Malaysia.

"Ini bagi mengenal pasti sebarang kehadiran Total Coliform atau E. coli. Ia juga langkah proaktif bagi memastikan air minum terus terjamin kualitinya," kata DBKL.

Pihak berkuasa tempatan itu menegaskan komitmen mereka dalam memastikan setiap warga kota menikmati air yang bersih dan selamat.

Malah katanya, langkah tersebut sejajar dengan usaha memperkukuh kesejahteraan awam di Kuala Lumpur. 

Program Nur Ramadan 2025

KEADILAN SOSIAL DALAM ZAKAT

DIANA AMIR

MAJLIS Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) memperuntukkan sejumlah RM1.1 juta wang zakat kepada 5,500 asnaf di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan melalui Program Nur Ramadan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata selain daripada satu ibadah, zakat juga merupakan manifestasi kepada *concept of social justice* atau keadilan sosial.

"Kita dapat menyantuni jurang kemiskinan dan dalam masa yang sama mengimbangi kesenjangan sosial di antara yang miskin dan kaya.

"Oleh itu, dalam melaksanakan tanggungjawab sosial ini, Islam telah menetapkan golongan yang berhak menerima bantuan agar keperluan asas mereka dapat dipenuhi.

"Begitu juga apa yang saya selalu tekankan, jika ada antara kita yang masih tertinggal ataupun tercicir dari arus pembangunan dan kemodenan, kita bertanggungjawab untuk menarik mereka bersama dan jika ada yang masih bergelut

dengan kemiskinan bandar, kita juga bertanggungjawab untuk memberi mereka peluang dan keupayaan untuk bangkit," kata beliau.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Program Nur Ramadan Peringkat Wilayah Persekutuan Putrajaya 2025/1446H di Dewan Seri Siantan, Kompleks Perbadanan Putrajaya pada Selasa.

Turut hadir Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP), Datuk Seri Noridah Abdul Rahim dan Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Datuk Fadlun Mak Ujud.

Zaliha berkata melalui *flagship* program di JWP, iaitu Program Usaha Jaya Insan atau PUJI, pihaknya akan terus mengambil pendekatan keadilan sosial ini.

"Contohnya seperti hari ini, melalui inisiatif Ihsan@PUJI, kerajaan akan terus pastikan setiap sen wang zakat ini sampai kepada golongan yang benar-benar memerlukan.

"Sudah pasti, jika agensi-agensi kerajaan seperti ini bergabung dan membantu rakyat yang memerlukan, saya percaya, usaha



ZALIHA (kiri) menyampaikan duit sumbangan kepada kanak-kanak OKU dalam Program Nur Ramadan.

Kerajaan MADANI, bukan sahaja untuk menghapuskan miskin tegar, malah miskin bandar juga kita dapat santuni.

"Terima kasih kepada MAIWP dan juga hampir dua juta pembayar zakat di Wilayah Persekutuan kerana tanpa sumbangan mereka, usaha murni ini tidak akan dapat

kita realisasikan," katanya.

Dalam majlis itu, Zaliha menyerahkan bantuan wang tunai bernilai RM200 setiap orang kepada 300 asnaf termasuk anak-anak yatim, warga emas, ibu tunggal, orang kurang upaya (OKU) dan mereka yang kurang berkemampuan. Baki 400 penerima

di Wilayah Persekutuan Putrajaya akan menerima agihan sumbangan secara berperingkat.

Beliau turut menyampaikan sumbangan khas sebanyak RM5,000 daripada JWP kepada Surau Abdul Rahman Auf, Presint 11 bagi membantu surau tersebut menaik taraf fasiliti.

Naik taraf golongan B40

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa bergerak aktif melaksanakan matlamatnya dalam membantu menaik taraf hidup golongan berpendapatan rendah di seluruh Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Namun menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, pihaknya juga tidak terlepas daripada menghadapi cabaran semasa pelaksanaan bantuan.

"Kita kini telah memasuki tahun ke-39 penubuhan semestinya pelbagai cabaran sudah kita tempuh serta atasi dan cabaran ini akan sentiasa ada mengikut keadaan semasa.

"Antara cabaran YWP kini adalah terpaksa berhadapan dengan kekangan dana di mana dana yang mencukupi adalah penting bagi menampung semua pemohon yang layak.

"Selain itu, kurangnya kesedaran dalam kalangan masyarakat di mana masih ada golongan yang terlepas daripada mendapatkan bantuan kita kerana tidak tahu mengenai bantuan yang disediakan.

"Yang terakhir adalah pemantauan dan keberkesanan bantuan. Selain memberi bantuan, kita juga akan memastikan penerima tidak bergantung sepenuhnya kepada bantuan jangka panjang," katanya dalam sesi temu bual bersama Wilayahku baru-baru ini.

Abdul Basir berkata walau bagaimanapun pihaknya telah mengambil beberapa langkah dalam menangani cabaran-cabaran tersebut.

"Antaranya kita akan terus



ABDUL BASIR menyantuni penerima Bantuan Khas YWP.

memperkuh kerjasama dengan pihak swasta pada tahun ini bagi mendapatkan dana tambahan serta mengadakan beberapa program kolaborasi yang pastinya memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.


"YWP juga dalam usaha untuk memperbanyak kempen kesedaran supaya lebih ramai yang memerlukan dapat memohon bantuan dan yang terakhir kita akan mewujudkan sistem pemantauan bagi mengenal pasti keberkesanan bantuan dan menyesuaikan dasar jika perlu," katanya.

Abdul Basir berkata terdapat beberapa kerjasama telah diwujudkan untuk meningkatkan keberkesanan bantuan YWP.

"YWP telah menjalin kerjasama dengan institusi pendidikan seperti

sekolah dan institut pengajian tinggi (IPT) untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan bantuan. Di peringkat sekolah kita mendapat kerjasama baik daripada pihak Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dalam memilih penerima Bantuan Awal Persekolahan.

"Seterusnya bagi menyokong usaha kerajaan ke arah memperkuh ekosistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), YWP turut bekerjasama dengan industri TVET dalam memberi latihan serta peluang pekerjaan kepada pelajar terlibat.

"Beberapa program kolaborasi bersama badan bukan kerajaan (NGO) juga diadakan dalam menyalurkan bantuan khas kepada masyarakat yang terjejas," katanya. 

Menghidupkan semula legasi

ORANG ramai kini berpeluang menelusuri perjalanan seni seorang tokoh menerusi Pameran Projek Arkib: Chung Chen Sun yang diadakan di Balai Seni Negara bermula 4 Mac sehingga 1 September ini.

Balai Seni Negara dalam kenyataannya berkata pameran tersebut bertujuan memperkenalkan serta menghidupkan semula legasi Chung Chen Sun sebagai pelukis dakwat Cina dan pendidik seni yang berpengaruh di Malaysia.

"Merupakan siri ke-3 dalam Projek Arkib Balai Seni Negara, pameran ini menampilkan pelbagai bahan arkib seperti foto, lakaran, katalog dan wawancara yang memberi gambaran mendalam mengenai proses kreatif beliau.


"Selain karya dakwat Cina yang menjadi identitinya, pameran ini turut mengetengahkan lukisan minyak dan pastel yang jarang dipamerkan, memperlihatkan evolusi gaya seni beliau sepanjang kariernya," katanya.

Jelasnya sebagai

salah seorang pengasas Malaysian Institute of Art (MIA), Chung Chen Sun bukan sahaja memberi sumbangan besar dalam dunia seni lukis, malah dalam pendidikan seni.

"Menerusi koleksi arkib yang kaya, pameran ini bukan sekadar menjadi sumber rujukan sejarah, tetapi turut memperkaya pemahaman tentang sumbangan beliau terhadap seni tempatan dalam konteks sejarah dan budaya Malaysia.

"Menariknya pameran ini disusun berdasarkan falsafah Konfusianisme dengan tema pameran dibahagikan kepada enam segmen merangkumi Nasional ke Antarabangsa, Pertukaran Budaya dan Seni Antara Malaysia & China, Modernisasi Lukisan Dakwat: Gabungan Seni Timur dan Barat, Pendidikan Seni, Peribadi & Keluarga serta Penderma Karya Seni," katanya.

Justeru orang ramai dijemput untuk melawat dan menghayati warisan seni serta intelektual Chung Chen Sun. 

MENANGANI PEMBAZIRAN PADA RAMADAN

KU SEMAN KU HUSSAIN

PEMBAZIRAN makanan sepanjang bulan Ramadan terus menjadi topik dalam kalangan awam. Sekalipun keadaan ekonomi tidak menentu khususnya yang berpendapatan rendah, tetapi pembaziran terus menjadi isu pada setiap kali Ramadan. Hal itu tentulah lebih mengecewakan kerana memberi fitnah kepada agama.



PENULIS BEBAS

Ramadan itu satu tuntutan dalam Islam. Walau bagaimanapun tanpa kesedaran, Ramadan turut terpalit dengan sikap yang tidak berakhlak sebahagian masyarakat. Sebenarnya pembaziran pada bulan Ramadan tidak berlaku dalam masyarakat di kampung dulu yang hidup di lingkungan penuh tradisi.

Malah Ramadan dijadikan sebagai satu ruang mempererat hubungan dalam kalangan masyarakat. Pada dekad 1960-an hingga awal 1980-an misalnya, tradisi dan budaya menjadi teras kehidupan masyarakat. Pada dekad-dekad masyarakat kampung berada jauh daripada kemodenan dan amalan tradisi menjadikan kerangka hidup bermasyarakat.

Lebih daripada itu tradisi dan budaya juga bergerak selari dengan tuntutan agama. Menyesuaikan tradisi dengan tuntutan agama antara yang menarik dalam kehidupan masyarakat zaman dulu. Lalu tidak hairanlah kalau sepanjang bulan Ramadan dan hari raya penuh dengan tradisi Melayu.

Tradisi menjadikan kedua-dua itu – Ramadan dan hari raya dalam suasana yang penuh keceriaan. Banyak amalan dari segi tradisinya digabung dengan tuntutan agama pada Ramadan dan hari raya. Perkara yang jelas adalah mengangkat juadah tradisi sepanjang bulan Ramadan dan hari raya.

Hal itu menjadikan berpuasa dan hari raya secara tidak rasminya sebagai satu entiti budaya masyarakat Melayu. Banyak perkara

yang berkaitan budaya dan tradisi diangkat semula pada kedua-dua sambutan itu.

Tradisi menyambut bulan Ramadan mewujudkan warisan yang unik dan menarik. Suatu waktu dulu pada sepanjang bulan Ramadan, penduduk kampung bertukar-tukar juadah tradisi dengan jiran tetangga. Tradisi itu memberi warna kemeriahan yang tersendiri pada Ramadan selain mewujudkan hubungan erat dan akrab dalam kalangan masyarakat.

Tradisi bertukar-tukar juadah juga merupakan satu amalan yang menambahkan kemeriahan bulan Ramadan. Jiran tetangga berbahagi juadah sebagai keakraban dan kemesraan. Hal itu bukan sahaja satu amalan yang mulia tetapi memupuk rasa kebersamaan dan keharmonian dalam kalangan masyarakat.

Sebenarnya tidak sekadar bertukar-tukar juadah, hasrat yang tersirat adalah sama-sama merasa biarpun sedikit. Lalu tidak adalah keluarga yang menikmati juadah istimewa, tetapi jiran di sebelah rumah berbuka dengan ala kadar disebabkan kekurangan belanja.

Menyuntik nilai tradisi pada tuntutan agama seperti pada Ramadan boleh mempertingkatkan lagi rasa kebersamaan dalam kalangan masyarakat. Menyemarakkan tradisi tidak bermakna menyimpang daripada tuntutan agama. Bahkan, menyatukan tuntutan agama dengan warisan tradisi yang melingkari kehidupan masyarakat.

Malah dalam banyak kerja menyambut Ramadan dilakukan secara gotong-royong. Bukan sahaja boleh menjimatkan belanja, tetapi yang lebih utama dapat merapatkan hubungan dalam kalangan masyarakat. Boleh dikatakan banyak kerja-kerja menyambut Ramadan dan hari raya dibuat secara beramai-ramai.

Gelak ketawa dan gurau senda menjadikan suasana penuh keceriaan. Salah satunya kerja mengacau dodol menyambut hari raya. Perkara yang dilihat adalah mengacau dodol, tetapi yang tersirat adalah keakraban dalam kalangan masyarakat selain menjimatkan belanja.

Setiap kali datangnya Ramadan dan hari



KELUARAN akhbar 28 Februari - 6 Mac 2025

Elakkan PEMBAZIRAN MAKANAN

raya, saya selalu terhantar kembali pada zaman yang penuh tradisi suatu waktu dulu. Saya melihat tradisi silam yang dilangsungkan – setidak-tidaknya ketika saya masih di kampung menjadi benteng yang boleh mengelak pembaziran.

Malah makna Ramadan juga bukan pesta makan seperti yang banyak difahami secara tidak rasmi oleh masyarakat hari ini. Sebaliknya Ramadan adalah kemeriahan yang penuh tradisi. Pelbagai juadah tradisi timbul kembali sepanjang bulan Ramadan.

Juadah moreh selepas sembahyang tarawih suatu waktu dulu juga penuh dengan pelbagai jenis yang dibawa oleh hampir semua jemaah. Tidak ada catering yang diupah disediakan moreh kepada orang ramai. Moreh lebih membawa maksud juadah yang dibawa ke surau atau masjid.

Tradisi dalam menyambut Ramadan waktu dulu boleh dilihat sebagai asas penting untuk mengelak daripada pembaziran. Pembaziran berlaku disebabkan ada kemampuan dan kurang kesedaran. Waktu dulu orang kampung tidak pernah terlebih makan atau berbelanja untuk hal yang tidak perlu. Tradisi dan keadaan ekonomi antara salah satu yang menjadi garis penghalang kepada pembaziran.

Orang kampung ketika itu hanya cukup makan sahaja. Tidak kelaparan dan tidak pula berlebihan hingga tahap membuang makanan. Sikap membazir seperti sekarang tidak pernah berlaku. Dalam keadaan apa sekalipun, mereka bersyukur dan sentiasa sederhana pada sambutan bulan Ramadan dan hari raya. Kemeriahan bukan terletak pada pembaziran yang dilakukan.

Bagi orang kampung, nasi yang lebih dijadikan nasi goreng, gulai atau masakan yang berbaki dipanaskan untuk makan pada malamnya. Tidak timbul masalah makan menu yang sama. Mereka memang tidak berpendidikan tinggi, jauh sekali belajar hingga ke universiti. Sekalipun begitu daripada amalan tradisi mereka terdidik supaya sentiasa menghargai rezeki.

Saya berpeluang berada di kehidupan yang

sedemikian dan berusaha memahami setiap falsafah kehidupan silam dalam bab rezeki dan makanan. Malah membuang nasi yang sudah basi pun ada cara dan adabnya – dibasuh kemudian diberikan kepada ayam dan itik.

Dalam amalan tradisi, menolak pelawaan makan dianggap menolak rezeki. Begitu tinggi penghayatan dan konsep rezeki dalam kehidupan mereka. Maka setiap pelawaan atau jemputan kenduri sedaya upaya dipenuhi kerana, pertama menghargai ingatan orang dan kedua, tidak mahu dianggap angkuh kerana menolak rezeki.

Statistik Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) juga sangat mengejutkan. Sebanyak 17,000 tan atau 44.5 peratus daripada keseluruhan buangan sisa pepejal dalam sehari adalah bahan makanan. Peningkatan antara 15 hingga 20 peratus sisa makanan berlaku pada bulan Ramadan.

Lebih menyedihkan apabila sebanyak 24 peratus daripada buangan itu adalah sisa makanan yang masih elok. Jumlah itu cukup untuk memberi makan tiga kali sehari kepada tiga juta orang. Namun makanan itu tidak dapat dimanfaatkan oleh golongan yang memerlukan kerana sikap membazir yang dilakukan seolah-olah satu gaya hidup baharu.

Saya fikir, malah sangat percaya bahawa kita yang sedar akan keburukan sikap sedemikian tidak boleh berasa jemu atau putus asa untuk menyedarkan golongan yang berkenaan. Bukan menunjuk baik atau pandai, sebaliknya satu tanggungjawab apa lagi yang pernah menjalani kehidupan di kampung suatu waktu dulu.

Ternyata tradisi yang pernah melingkari kehidupan sesetengah dalam kalangan kita memberikan pola fikir yang baik dalam berdepan dengan sikap baharu masyarakat hari ini tentang pembaziran makanan. Membazir bukan tanda kemodenan sebaliknya kemunduran berfikir dengan waras.



SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO

EHH! AKAK ARTIS MENIAGA LA KAT SINI! BOLEH NAK AMIK GAMBAR?

BOLEH!



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
 Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 305 . 14 - 20 MAC 2025



Bahaya gula-gula
TERLARANG

GULA-GULA BENTUK VAPE, PICAGARI: CUBAAN NORMALISASI TABIAT TERLARANG?

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

PENEMUAN gula-gula berbentuk peranti vape dan jarum suntikan seperti didedahkan Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) baru-baru ini amat membimbangkan, khususnya kepada minda anak-anak muda.



SUBBAROW

Ia sekali gus mampu menyumbang kepada suntikan minda kepada golongan itu untuk 'menyukai' atau berjinak-jinak dengan bahan terlarang terutama dadah.

Malah ia juga menimbulkan kebimbangan terhadap normalisasi tabiat merokok dalam kalangan kanak-kanak.

Pegawai Pendidikan CAP, **N.V. Subbarow** berkata trend itu dilihat semakin membimbangkan kerana produk berkenaan menyerupai alat vape dan jarum suntikan sebenar, dengan rekaan warna-warni yang menarik perhatian anak muda.

"Corak dan reka bentuk gula-gula ini boleh mendorong kanak-kanak untuk meniru tabiat merokok apabila meningkat usia. Lebih membimbangkan, ada yang direka seperti jarum suntikan, menyerupai picagari yang sering dikaitkan dengan penyalahgunaan dadah.

"Gula-gula ini bukan sekadar manisan biasa tetapi boleh menjadi titik permulaan kepada ketagihan vape dan rokok. Ibu bapa mungkin tidak menyedari risiko ini dan membelinya untuk

menenangkan anak-anak mereka.

"Fenomena ini bukan sahaja membahayakan kesihatan, malah boleh membentuk tabiat mengendalikan peranti menyerupai rokok elektronik sejak usia seawal tujuh tahun," katanya.

Beliau berkata CAP bimbang jika tanpa kawalan produk gula-gula yang memasuki pasaran tempatan sejak enam bulan lalu dan semakin popular dalam kalangan kanak-kanak itu meningkatkan risiko ketagihan terhadap vape serta rokok pada usia muda.

"Tanpa kawalan, lebih banyak produk serupa akan membanjiri pasaran. Jika dibiarkan, kanak-kanak yang membesar dengan gula-gula berbentuk vape ini mungkin akan beralih kepada produk sebenar seperti e-rokok dan rokok konvensional," katanya.

Subbarow berkata ramai kanak-kanak yang berusia lingkungan sembilan hingga 12 tahun didapati mencuba vape dan e-rokok milik bapa atau abang mereka di rumah atau di dalam kereta.

"Seramai 200 daripada 300 kanak-kanak mengakui menghisap vape sekurang-kurangnya dua minggu sekali. Mereka didapati mencuba vape dan e-rokok kepunyaan bapa atau abang di rumah dan juga di dalam kereta.

"Mereka ini bukan perokok tegar

sebaliknya mengaku bahawa ia hanya cuba-cuba sahaja. Lebih mengecewakan, kanak-kanak ini mendedahkan bahawa ada saudara atau adik-beradik lelaki mereka yang mencadangkan supaya mencuba vape.

"Walaupun pada permulaannya mereka menolak, mereka seolah-olah diminta untuk mencuba dan akhirnya tewas," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata soal selidik yang dilakukan oleh CAP mendapati bapa dan abang kepada kanak-kanak berkenaan kerap menggunakan produk terbabit di rumah atau semasa memandu.

"Kanak-kanak dan pelajar yang ditemui mengakui mereka tahu bahaya vape tetapi masih ingin mencubanya. Ini kerana, bapa atau abang dengan santai memberi gajet vape kepada mereka yang duduk di tempat duduk penumpang serta di rumah.

"Apabila menawarkan vape, mereka selalu mengatakan ia hanyalah jus buah dan tidak perlu risau sedangkan kandungan sebenarnya adalah nikotin. Mereka berani mencuba di rumah ketika ketiadaan ibu bapa kerana percaya bahawa ia diperbuat daripada buah-buahan atau gula-gula," katanya.

TINDAKAN TEGAS PERLU DILAKSANAKAN SEGERA

BELIAU berkata kanak-kanak yang telah mencuba kini mula ketagih untuk menghisap vape.

"Sebelum ini, kanak-kanak ini tidak pernah menyentuh rokok tetapi kini mula menghisap vape. Hasil soal selidik yang dibuat, daripada empat kanak-kanak, seorang daripadanya adalah perempuan dan telah ketagih. Perkara ini amat membimbangkan sekiranya tidak dibendung dari sekarang," katanya.

Oleh itu beliau menggesa pentadbiran sekolah membenarkan badan bukan kerajaan (NGO) seperti CAP untuk bertemu dengan pelajar bagi memberi kesedaran mengenai bahaya merokok, vape, e-rokok dan jus yang mengandungi nikotin.

"Perkara ini perlu diberi perhatian, kita bimbang jika tiada tindakan segera diambil, lebih ramai kanak-kanak seawal lapan tahun dan pelajar sekolah menengah akan mengalami ketagihan vape," katanya.

Menurut Subbarow menerusi



laporan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), terdapat 16,000 jenis perisa vape di pasaran mengandungi bahan kimia yang menjejaskan kesihatan.


"Nikotin bertindak secara langsung pada otak dan mempunyai kesan buruk terhadap kesihatan. Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) menyatakan bahawa penggunaan e-rokok adalah tidak selamat untuk kanak-kanak, remaja dan dewasa muda.

"Pakar pediatrik menyatakan nikotin mungkin lebih berbahaya kepada remaja berbanding orang dewasa. Nikotin boleh membahayakan otak yang sedang berkembang. Bukan sahaja remaja lebih terdedah kepada ketagihan malah vape boleh menjejaskan

keupayaan mereka untuk menumpukan perhatian, belajar dan bersenam," katanya.

Tegas beliau WHO tidak mengesyorkan vape dan menekankan bahawa vape adalah pintu masuk bagi remaja dan dewasa untuk mula menggunakan bahan ketagihan lain.

"Sehubungan itu, pihak keluarga terutama ibu bapa dan penjaga perlu memainkan peranan penting dalam menangani perkara ini sekali gus harus bijak mengawal anak-anak agar tidak terjerumus dalam najis dadah.

"Dalam masa sama, kami juga ingin menggesa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup untuk mengharamkan penjualan produk ini demi kesihatan generasi akan datang," katanya. 

Tak ramai anak-anak tahu bahaya dadah

SEBELUM ini media sosial digemparkan dengan penemuan gula-gula berbentuk *Teddy Bear* yang dipercayai sejenis dadah ekstasi yang diedarkan kepada kanak-kanak di luar sekolah.

Berikutan itu, ibu bapa dinasihatkan untuk sentiasa memantau pergaulan anak setiap hari tambahan pula kini terdapat trend penjualan dadah yang semakin moden menerusi aplikasi WeChat, WhatsApp dan lain-lain secara dalam talian.

Menurut ibu kepada tiga orang anak, **Nur Aliza Mohammad**, 48, dia memandang serius mengenai berita yang tular itu meskipun gambar terbabit belum terbukti kesahihannya.

“Saya percaya itu antara kaedah atau teknik yang dilakukan kartel atau sindiket dadah untuk bolos daripada penguatkuasaan.

“Dalam masa sama bentuk gula-gula itu juga dapat menarik minat pelajar dan remaja untuk membeli dan mencuba tanpa mengetahui ia ‘beracun’,” katanya.

Nur Aliza berkata antara lain kebimbangannya adalah gula-gula tersebut bukan sahaja menjadikan pelajar berpotensi menghisap dadah malah menjadi pengedar pada usia yang muda.

“Orang dewasa tahu hukuman yang menanti pengedar dadah namun kanak-kanak mungkin tak didedahkan dengan perkara demikian membuatkan mereka boleh tersilap langkah.

“Justeru sebagai ibu bapa, saya

sering memantau pergaulan anak-anak terutama di media sosial. Jenayah tanpa sempadan ini boleh berlaku pada bila-bila masa.

“Ketegasan ibu bapa dapat menghindarkan anak-anak daripada terjebak kepada kelakuan seks, pengambilan dadah dan sebagainya.

“Selain itu, saya juga akan memberitahu anak-anak mengenai hukuman berat seperti gantung sampai mati dan sebat yang menanti pengedar mahupun penagih dadah bagi memberi kesedaran bahawa perkara tersebut adalah salah di sisi undang-undang negara,” katanya.

Berkongsi lanjut, Nur Aliza berkata dia mampu menarik nafas lega kerana gula-gula yang dikatakan dadah itu tidak berada di kawasan sekolah anaknya.

“Anak saya tidak mengetahui mengenai kewujudan gula-gula tersebut dan menasihati mereka untuk sentiasa bertanya saya terlebih dahulu sekiranya ingin membeli apa sahaja jenis gula-gula, makanan ringan dan sebagainya.

“Perkara tersebut juga menandakan bahawa kawasan sekolah anak saya selamat dan diharapkan kerjasama baik daripada pihak guru dalam menjadikan sekolah kawasan selamat diteruskan demi keselamatan pelajar,” katanya.

Dalam pada itu, pengarah media sosial, **Muhammad Izzad Daniel Abdullah** menjelaskan bahawa ini merupakan satu sindiket baharu di mana gula-gula tersebut



berbentuk patung beruang untuk menarik minat pelajar.

“Dadah baharu di sekolah kerana ibarat spesies ubat goyang.

“Tolong sampaikan ini walaupun anda tidak mempunyai anak di sekolah. Ibu bapa harus tahu tentang ubat ini. Ini adalah ubat baharu yang dikenali sebagai *strawberry quick*.

“Terdapat satu perkara yang sangat menakutkan berlaku di sekolah sekarang yang perlu kita semua sedari. Terdapat sejenis meth kristal yang beredar yang kelihatan seperti batu pop strawberi (gula-gula yang mendesis dan ‘meletus’

di mulut anda),” katanya menerusi satu hantaran di Instagram miliknya.

Muhammad Izzad berkata gula-gula berbentuk patung beruang ini mempunyai bau seperti buah strawberi dan diedarkan kepada kanak-kanak di pekarangan sekolah.

“Sesiapa sahaja yang termakan gula-gula bahaya ini akan dikejarkan ke hospital dalam keadaan teruk kerana percaya makanan itu tidak berbahaya.

“Kanak-kanak memanggilnya *meth strawberi* atau strawberi cepat. Mereka termakan pemikiran ini bahawa ia adalah gula-gula

dan dikejarkan ke hospital dalam keadaan teruk,” jelasnya yang merupakan bekas pelajar Sekolah Henry Gurney.

Tambah Muhammad Izzad diharapkan ibu bapa di luar sana supaya sentiasa menasihati anak agar tidak menerima gula-gula yang kelihatan seperti patung beruang ini terutamanya daripada orang yang tidak dikenali.

“Ia juga terdapat dalam coklat mentega kacang, cola, ceri, anggur dan oren. Tolong arahkan anak-anak anda untuk tidak menerima gula-gula ini daripada rakan-rakan mereka juga,” katanya. 📢

PENCEGAHAN AWAL BERMULA DI RUMAH

Ibu bapa dan ahli keluarga yang sepatutnya mencorak anak-anak. Ibu bapa perlu menjadi watak penting sebagai model kepada anak-anak.

Sebagai ibu bapa apa yang perlu anda lakukan?

Didik atau ajar anak-anak mengenai bahaya dadah. Walaupun ia bukan perkara mudah, tetapi sangat berkesan dan berharga.

Ajar anak-anak untuk berwaspada dengan orang yang tidak dikenali atau orang asing.

Cuba amalkan disiplin dan peraturan yang praktikal dan konsisten terhadap tingkah laku anak-anak di rumah.



Sebagai ibu bapa jangan lokek atau segan memberi pujian kepada anak-anak anda.

Apabila mendapati anak-anak anda bermasalah, cuba bawa berbincang secara terbuka dan jangan cepat memarahi dan menghukum secara emosi dan fizikal.

APA PERLU DILAKUKAN KE ARAH SEKOLAH BEBAS DADAH



- ✓ Ibu bapa hadir melibatkan diri dan memberi komitmen dalam aktiviti di sekolah.
- ✓ Pelajar sekolah diberi pengetahuan untuk bertindak sekiranya berlaku isu/masalah dadah dalam kalangan pelajar.
- ✓ Memberi pengetahuan dan kemahiran intervensi kepada keluarga dan guru-guru berkaitan masalah penyalahgunaan dadah.
- ✓ PIBG berperanan dalam melaksanakan program-program pencegahan dadah di peringkat sekolah.
- ✓ Pengurusan sekolah memainkan peranan dalam melaksanakan kempen pencegahan dadah.

Di sebalik tabir Petugas cerapan rasmi hilal di lapangan

AM HALIM

SETIAP kali menjelang Ramadan mahupun Aidilfitri, petugas cerapan rasmi hilal di lokasi-lokasi melihat anak bulan yang telah ditetapkan pastinya menjadi perhatian ramai.

Tidak terkecuali petugas yang membuat cerapan di Pusat Cerapan Menara Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang menjadi fokus utama Lensa Wilayahku.

Cerapan rasmi hilal merujuk kepada proses pengamatan anak bulan atau hilal, yang menandakan permulaan bulan baharu dalam kalendar Islam, contohnya Ramadan, Syawal dan Zulhijah.


Di Malaysia, Jabatan Mufti bagi setiap negeri dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM); Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dan pakar falak di dalam Jawatankuasa

Melihat Anak Bulan yang dilantik khas bertanggungjawab melaksanakan cerapan.


Masa cerapan adalah pada waktu senja, selepas matahari terbenam dan hilal mungkin kelihatan.

Secara teknikalnya, data hilal mestilah memenuhi syarat Kriteria Imkanur Rukyah (KIR) yang telah ditetapkan iaitu tinggi hilal 3 darjah dan jarak elongasi dari pusat Bulan ke Matahari 6.4 darjah.

Antara langkah-langkah dan proses yang terlibat dalam program cerapan rasmi hilal adalah penentuan lokasi dan masa cerapan, penggunaan peralatan khusus seperti teleskop dan theodolite, saksi dan pengesahan imej bersama data-data hilal.

Seterusnya pengumuman rasmi oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja setelah diperkenan Yang di-Pertuan Agong. 





UTC Labuan turut menempatkan 150 peniaga

MEMANFAAT PENDUDUK SETEMPAT

KHAIRUL IDIN

PUSAT Transformasi Bandar (UTC) Labuan di Pasar Sentral Labuan sememangnya menjadi lokasi penting kepada masyarakat setempat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan.

UTC Labuan berkonsepkan penyediaan perkhidmatan utama kerajaan dan sektor swasta kepada komuniti di dalam satu bangunan. Ia merupakan sebahagian daripada Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan melalui kerjasama strategik antara agensi kerajaan dan swasta.

Bangunan bernilai RM23 juta itu dibina pada 2015 dengan memanfaatkan kira-kira 100,000 penduduk.

Bukan hanya untuk warga Labuan malah ia turut memberi manfaat masyarakat luar yang berdekatan seperti Menumbok dan Kuala Penyu, Sabah; selain penduduk dari Lawas serta Limbang, Sarawak.

Sebanyak 13 agensi kerajaan ditempatkan di bangunan berkenaan dan sudah pastinya memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat di Labuan.

Antara agensi kerajaan tersebut adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen, Klinik Kesihatan, Perbadanan Labuan, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP), Mahkamah Anak Negeri, Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional serta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

Selain itu, ia turut menyediakan perkhidmatan pusat penjagaan atau Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) dan Kafe UTC.

Maka tidak hairanlah, UTC Labuan menjadi salah satu bangunan terpenting kepada masyarakat setempat mahupun luar mendapatkan perkhidmatan dalam pelbagai urusan.

Dalam pada itu, UTC Labuan turut memberikan manfaat kepada lebih 150 peniaga dengan jualan seperti kuih-muih termasuk makanan tradisional selain makanan laut kering serta peralatan memancing, barangan hiasan rumah, pakaian, aksesori dan banyak lagi.



PENGUNJUNG membeli pelbagai barangan dapur dan buah-buahan di lot perniagaan di UTC Labuan.

Seorang pengunjung, **Manah Abdul Rahim**, 60, menyifatkan UTC Labuan memberikan kemudahan yang baik kepada masyarakat khususnya kepada mereka yang berusia dalam berurusan dengan agensi kerajaan di dalam satu bangunan.

“Bagi saya wujudnya UTC ini sangat baik dan dapat menyenangkan kami di Labuan ini kerana tidak perlu untuk terkejar-kejar berurusan dengan jabatan kerajaan kerana semuanya dalam satu bangunan.

“Sebelum adanya UTC ini, kami mengalami kesukaran untuk berurusan kerana terpaksa menghabiskan masa bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain dan membayar tempat letak kereta dan sebagainya,” katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Bagi peniaga buah-buahan, **Junisah Salleh**, 44, pula, UTC Labuan amat memudahkannya berniaga dan dalam masa yang sama menyelesaikan pelbagai urusan berkaitan kerajaan.

“Saya sebagai peniaga di sini amat bertuah kerana di samping berniaga saya dapat menyelesaikan urusan-urusan rasmi dengan cepat kerana

tempat ini amat strategik,” katanya.

Sementara itu Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan (PL), **Simsudin Sidek** berkata perkhidmatan agensi kerajaan di bawah satu bumbung itu bukan sahaja memberikan manfaat kemudahan malah ia menjadi satu lokasi yang mampu merancakkan ekonomi tempatan khususnya kepada masyarakat setempat.

Katanya bangunan setinggi tiga tingkat dan seluas 1.02 ekar itu bukan sahaja memberikan perkhidmatan kepada pengunjung namun ia turut memberikan peluang kepada penduduk tempatan berniaga untuk meningkatkan pendapatan sara hidup.

“Sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) yang bertanggungjawab memastikan kemudahan yang ada di bangunan UTC sentiasa terjamin, PL memperuntukkan dana setiap tahun bagi menyelenggara dan membaik pulih kemudahan yang ada seperti kemudahan lif dan sebagainya.

“PL juga kini dalam perancangan untuk memperluaskan lagi kawasan tempat letak kenderaan di sekitar kawasan bangunan UTC ini untuk memastikan ia memberikan kemudahan kepada masyarakat di sini,” katanya. 📍



MANAH menunjukkan jenis makanan yang dijual di kiosk perniagaan.



UTC Labuan yang terletak di Pasar Sentral menyediakan pelbagai perkhidmatan kerajaan dan swasta.

SIMSUDIN



PERTANDINGAN BINTANG KL 2025

29 OGOS 2025
AUDITORIUM DBKL

HADIAH PERTANDINGAN

- * **Tempat pertama**
- RM5,000.00, piala dan sijil penyertaan
- * **Tempat kedua**
- RM3,000.00, piala dan sijil penyertaan
- * **Tempat ketiga**
- RM2,000.00, piala dan sijil penyertaan
- * **Saguhati tempat ke empat hingga ke sepuluh**
- RM500.00 dan sijil penyertaan
- * **Persembahan terbaik**
- RM500.00



Sila Imbas
Untuk Pendaftaran

Bukan sekadar untung semata-mata

PUAS BANTU RAMAI WANITA

AINI MAWAWI

Diluar sana terdapat pelbagai jenis rangkaian spa. Namun apa yang menjadi kebimbangan pelanggan adalah sejauh mana ia mampu membantu perawatan wajah atau sekadar indah khabar dari rupa.

Malah tidak dinafikan terdapat sesetengah pengusaha yang mengikat mereka dengan pakej-pakej yang tidak mendatangkan hasil yang diimpikan.

Memberi pandangan tentang perkara tersebut,

Pengasas White Infinity Spa, **Mazita Mahmood** berkata tindakan pengusaha spa yang tidak bertanggungjawab sedikit sebanyak memberi kesan kepada pengusaha lain.

"Bagi saya, kepuasan pelanggan adalah yang paling utama daripada keuntungan semata-mata kerana apabila berpuas hati maka secara tidak langsung mereka akan terus menggunakan khidmat kita.

"Saya sendiri puas apabila dapat membantu mereka yang mengalami kulit bermasalah. Antara pengalaman yang

membuatkan saya teruja apabila pelanggan yang dahulunya datang mengadu masalah kulit yang serius akhirnya berterima kasih apabila penderitaan mereka berakhir," katanya kepada Wilayahku.

Berkongsi tentang perjalanannya mengisahkan spa yang terletak di Bandar Sri Permaisuri, Cheras, wanita ini mengakui ia bukanlah sesuatu yang mudah namun minat yang mendalam terhadap kecantikan membuatnya tidak pernah kenal erti berputus asa.

"Bermacam-macam perniagaan diceburi namun saya akur setiap yang kita lakukan perlu disertai dengan minat. Itu paling utama. Namun minat sahaja tidak cukup, ia juga perlu dilengkapi dengan ilmu tentang bidang tersebut.

"Saya meluangkan masa untuk belajar ilmu kecantikan dengan mengikuti kelas. Bermula dengan NCS Academy di Kuala Lumpur saya sanggup terbang ke Korea untuk mengambil kelas lanjutan Facial Advanced Class di Seoul selama hampir setahun.

"Mungkin ramai yang tertanya-



MAZITA ketika melakukan sesi perawatan wajah pelanggan di spa miliknya.

tanya kenapa Korea? Ini kerana negara tersebut bukan sahaja terkenal dengan bidang kecantikan bahkan mereka menggunakan teknologi terkini serta teknik-teknik terbaharu yang hebat dan diyakini ramai dalam bidang perawatan," jelasnya yang turut mempunyai beberapa buah mesin berteknologi tinggi dari negara tersebut.

Mesra disapa Shya, beliau turut menasihatkan wanita agar tidak

mudah tertipu dengan iklan produk kecantikan yang mengandungi bahan kimia berbahaya seperti merkuri atau hydroquinone.

"Ramai yang menghadapi masalah kulit akibat penggunaan produk yang salah. Jangan terlalu obses serta mudah untuk mempercayai iklan yang dimainkan di televisyen, media sosial dan sebagainya," katanya bersyukur dapat membantu ramai wanita


yang berdepan masalah kulit.

Jelasnya kecantikan sebenar adalah terletak pada kulit yang sihat dan berseri bukan pada solekan tebal semata-mata untuk menutup masalah kulit.

"Penjagaan yang betul dengan melakukan perawatan yang tepat akan membolehkan kita memiliki *glass skin* yang menjadi idaman setiap wanita sekali gus tampil dengan lebih yakin tanpa sebarang solekan," katanya.

Mengulas lanjut beliau sanggup mengeluarkan perbelanjaan yang besar mengikuti perkembangan terkini teknologi dari Korea untuk memastikan White Infinity Spa tidak ketinggalan dan terus memberi khidmat yang terbaik kepada para pelanggannya.

"Saya menceburkan diri dalam bidang estetik ini bukan untuk mengejar kekayaan, saya lebih kepada mahu membantu mendidik wanita tentang penjagaan kulit serta membuang persepsi cantik adalah bersolek tetapi kecantikan asli adalah kulit yang sihat.

"Dengan harga mampu milik yang ditawarkan tanpa sebarang pakej yang membebankan, saya yakin apa yang saya lakukan ini adalah ibadah untuk membantu mereka yang berada dalam kesusahan," katanya. 

Asam Pedas Huzz Power angkat nama wartawan

HARIMAU mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama.

Peribahasa itu tepat untuk menggambarkan jasa ditinggalkan wartawan hiburan terkenal, Kamal Huzaini Kamaludin atau lebih dikenali dengan panggilan Huzz dalam dunia penulisan tanah air.

Selepas sembilan bulan Allahyarham meninggal dunia akibat kanser usus pada 8 Jun 2024, namanya terus menjadi sebutan dan meniti di bibir insan-insan yang pernah menjalin kerjasama ketika hayat beliau, lebih-lebih lagi ketika menjelang sambutan Aidilfitri.

Bagi menghargai jasa yang dicurahkan, Hotel Tenera Bandar Baru Bangi memperkenalkan menu istimewa dalam bufet Ramadan iaitu Asam Pedas Huzz Power sempena nama wartawan legenda yang tiada galang gantinya itu.

Menurut Pengurus Besar Hotel Tenera & Suites, Fadzly Hamzah, menu istimewa tersebut dibuat sebagai penghargaan kepada Allahyarham Huzz kerana semasa hayatnya, beliau antara rakan media yang banyak memberi sokongan kepada Hotel Tenera pada peringkat awal beroperasi.

"Menu ini turut mendapat perhatian ramai, bukan sahaja kerana nama Allahyarham tetapi asam pedas menjadi antara juadah kegemarannya. Segala teguran dan cadangan yang diberikan Allahyarham untuk menambah baik rasa asam pedas ini, kami ambil untuk memperbaiki kelemahan yang ada.

"Jasa beliau kepada hotel ini sejak ia dibuka akan terus dikenang dan menjadi kenangan yang tidak mungkin akan kami lupakan. Semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan hamba-Nya yang beriman," jelas Fadzly.

Dalam perkembangan lain, sempena Ramadan, lebih 200 pilihan menu yang disediakan hasil air tangan Cef Sahisal Azrul Mat Said iaitu Cef Eksekutif Hotel Tenera bermula dari lobi hotel di mana ia masih mengekalkan konsep gerai-gerai seperti di bazar Ramadan seperti tahun sebelumnya.

"Kami juga melakukan pembaharuan dengan menyediakan menu Nasi Dalca Lutut Kambing dan Kawah Gulai Raja Berangkat di mana menu ini dipelajari daripada peneroka Felde Kemahang Kelantan. Kami naik taraf dan jadikan

ia sebagai menu warisan Malaysia.

"Menariknya sepanjang Ramadan, pelanggan turut disajikan dengan durian Musang King yang menjadi tarikan utama bufet Ramadan Hotel Tenera Bangi yang sentiasa dinanti-nantikan saban tahun.

"Kami buat keputusan menawarkan raja segala buah itu setiap hari yang dibawa khas dari pengeluar tempatan di Pahang," katanya kepada Wilayahku.

Antara hidangan bufet yang pasti membuka selera adalah Kari Kepala Salmon Jawa, Teriyaki, Lidah Bakar Masih Terasa, Ikan Bakar Sumbat, Shellout, Rendang Tok Perak, Daging Asam Kunyit, Siput Sedut Masak Lemak, Urat Keting Asam Pedas, Sotong Goreng Simbah Percik, Daging Tetel Gulai Rebung dan Ikan Talang Gulai. 





YB DATUK SERI DR ZALIHA BINTI MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (WILAYAH PERSEKUTUAN)

dan

YBHG. DATUK SERI NORIDAH BINTI ABDUL RAHIM
KETUA PENGARAH JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

atas pengurniaan

DARJAH KEBESARAN SERI MAHKOTA WILAYAH (S.M.W)

sempena

**ISTIADAT MENGHADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN,
BINTANG DAN PINGAT WILAYAH PERSEKUTUAN TAHUN 2025**

pada

7 MAC 2025

Ikhlas daripada

SELURUH WARGA KERJA WILAYAHKU

ZULKIFLI SULONG

WALAU PUN amaran dan peringatan diberikan oleh pelbagai pihak agar jangan mempermainkan isu 3R (kaum, agama, institusi diraja) tetapi nampaknya ia tidak reda.

Ia semakin ketara apabila semua orang adalah wartawan dan juga editor di era media sosial ini. Mereka melaporkan dan menyebarkan kembali apa sahaja yang lalu di depan mata jika ia sesuai dengan otak dan fahaman politik masing-masing.

Ia dibuat tanpa sedar tentang hakikat yang sebenarnya. Hakikatnya adalah kebanyakan rakyat Malaysia sudah cukup muak dengan permainan politik. Mereka mahukan kestabilan untuk membolehkan negara ini bergerak ke depan tanpa gangguan.



PENULIS BEBAS

Namun, kerana bahaya 'tidak cukup jumlah', saban hari isu 3R dimainkan kerana inilah isu yang mudah mendapat reaksi atau tindak balas masyarakat kerana ia sangat sensitif.

Siapa tidak sayangkan bangsa, agama dan raja yang menjadi lambang kepada kedaulatan negara. Atas dasar itulah, ia sentiasa dimainkan yang sebenarnya untuk kepentingan fahaman dan sokongan politik kepertanian masing-masing.

Yang terbaru, tersebar di media sosial kononnya sebuah masjid telah dilarang daripada menggunakan pembesar suara untuk melaungkan azan.

Ia tentu sesuatu yang sensitif kerana azan bertujuan untuk disampaikan seluas atau sejauh mungkin. Kalau pembesar suara tidak dibenarkan untuk melaungkan azan, sudah tentu ramai yang marah.

Bila ia disebarkan, ramailah yang mengambil kesempatan menggunakannya untuk kepentingan fahaman politik masing-masing.

Padahal cerita yang sebenarnya adalah, pembesar suara masjid ini rosak. Jadi mereka sedang membaikinya. Dalam proses pembaikan inilah, pembesar suara tidak digunakan untuk azan.

Dapat pula kepada mereka yang jarang ke masjid. Bila suara azan tidak kedengaran terus disebarkan kononnya azan tidak dibenarkan dilayangkan di masjid ini.

Inilah realiti betapa sensitifnya isu 3R ini.

Pada 11 Mac lalu, Kesultanan Pahang telah mengeluarkan titah yang sangat jelas mengenai perkara sebegini.



SULTAN Pahang bertitah supaya semua pihak saling menghormati antara satu sama lain, jaga sensitiviti antara agama dan kepercayaan.

SENSITIFNYA ISU 3R

Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menampelas pihak yang sengaja menimbulkan perbalahan sekali gus membawa perpecahan.

"Berhentilah daripada menjadi 'badut' yang mempolemikkan isu raja, agama dan kaum sehingga mencetuskan pertelingkahan dalam kalangan masyarakat.

"Biarkanlah 'pentas' ini terus tenang, tanpa 'drama' yang menyakitkan. 'Berdialoglah' guna akal dan hati, bukannya 'bermonolog' guna nista dan benci," titah baginda.

Baginda bertitah demikian ketika berkenan berangkat memasyhurkan nama Masjid Baharu Kampung Durian Hijau dengan nama Masjid Abdul Rahman Ibn Auf, Kampung Durian Hijau, lapor kenyataan daripada Kesultanan Pahang itu.

Dalam pada itu, baginda dalam titahnya menyeru kepada semua pemimpin, khususnya pemimpin-pemimpin politik, agar bertindak sebagai jambatan perpaduan yang menyatukan rakyat, bukannya mencetus api yang membakar hubungan harmoni yang telah lama terbina.

"Saya menyambut baik kenyataan Menteri Besar Pahang baru-baru ini yang menekankan bahawa pemimpin bertanggungjawab menjadi pendamai, bukan pencetus perbalahan.

"Sejarah telah membuktikan bahawa

pertelingkahan kaum dan agama, jika tidak dibendung dengan bijaksana, mampu membawa malapetaka. Kita tidak mahu, sejarah hitam itu berulang hanya kerana kealpaan kita dalam mengurus isu sensitif ini dengan hikmah dan bijaksana," titah baginda.

Baginda turut mengingatkan semua rakyat, tidak kira Muslim atau bukan Muslim agar tidak mudah melatah dan membuat spekulasi sehingga meruntuhkan keharmonian yang dibina hasil daripada sikap saling menghormati dan toleransi selama ini.

"Hormatilah antara satu sama lain, jagalah sensitiviti antara agama dan kepercayaan. Jangan sesekali kita biarkan kejahilan dan keangkuhan, merosakkan apa yang telah lama kita bina bersama," titah baginda.

Mengakhiri titah, baginda menegaskan bahawa negeri Pahang akan terus bernaung di bawah kedaulatan dengan agama Islam tetap teguh menjadi tiang seri yang menyuluh jalan kehidupan rakyatnya.

"Sesungguhnya dalam mendukung kemuliaan agama yang suci ini, kita bertanggungjawab memastikan setiap jiwa yang bernaung di bumi bertuah ini mendapat hak yang sewajarnya agar tanah ini terus subur dengan kemakmuran, bernafas dalam ketenangan dan berdiri megah dalam keharmonian.

"Marilah kita bersama-sama menjadi benteng kepada keamanan, mengangkat panji perpaduan dan menjunjung tinggi ajaran Islam yang penuh hikmah sebagai pedoman," titah baginda.

Titah dikeluarkan Sultan Pahang, bukan sultan dari negeri-negeri lain.

Kalau sebelum ini pemimpin pembangkang beramai-ramai berhimpun menyokong Sultan Pahang dalam program perhimpunan Pahang Bermunajat, Raja Berdaulat, jadi sekarang taatlah kepada titah baginda ini.

"Saya mengarahkan semua ahli Pas Pahang mesti hadir seramai mungkin sebagai solidariti kami kepada Tuanku Sultan Pahang dan institusi diraja Pahang.

"Semua ahli mesti hadir dan pakai baju hijau sebagai bukti bahawa Pas tidak memboikot program ini dan bukti kami kasih dan tetap bersama dengan raja kami," kata Pesuruhjaya Pas Pahang, Rosli Abdul Jabar agar semua ahli Pas menyertai majlis itu.

Jadi kalau program sebegini Pas boleh kerahkan ahlinya agar taat kepada titah Sultan, apalah salahnya sekali lagi pemimpin Pas arahkan ahlinya taat kepada titah Sultan Pahang agar jangan bermain dengan isu 3R.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Kenapa serang penguat kuasa?

KAWAN-KAWAN Kedai Kopi sedih dan kesal dengan insiden penguat kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) diserang penjaja ketika menjalankan tugas penguatkuasaan di bazar Ramadan dan Aidilfitri, Jalan Tuanku Abdul Rahman baru-baru ini.

Tindakan tersebut amat keterlaluan kerana ia merupakan provokasi dan ancaman kepada penjawat awam yang diberi amanah menjalankan tanggungjawab mereka.

Lebih dikesali, yang terlibat membuat provokasi itu adalah penjaja tidak berlesen. Mungkin mereka tidak puas hati lantas bertindak kasar terhadap penguat kuasa terlibat.

Laporan polis telah dibuat berhubung

kejadian itu, tambahan pula ia mendatangkan kecederaan kepada anggota penguat kuasa terlibat. Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, tindakan ini wajar. Pelaku perlu dihukum selain menjadikan ia pengajaran kepada yang lain.

Kenapa harus dilepaskan marah kepada penguat kuasa yang menjalankan tugas? Mereka hadir untuk memastikan peniaga beroperasi secara sah, iaitu berlesen dan berniaga menurut nama dalam lesen, bukan disewa atau dijual kepada orang lain.

Tugas kerajaan dan DBKL adalah untuk memberi peluang kepada seramai mungkin peniaga mencari rezeki. Namun semuanya mesti menurut peraturan dan mematuhi prosedur agar operasi bazar berjalan dengan lancar.



TBG kondusif, selamat

PERJALANAN bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur dan sebaliknya akan lebih sistematis dan lancar apabila Terminal Bersepadu Gombak (TBG) beroperasi sepenuhnya hujung Mac ini.

Terminal yang terletak di Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2), berhampiran Taman Melati itu memulakan operasi percubaan pada 15 Mac dengan menurunkan penumpang yang tiba dari Pantai Timur.

Selama ini bas ekspres dari Kuala Lumpur ke Pantai Timur dan sebaliknya beroperasi dari TBS. Namun untuk kebanyakan penumpang dari Gombak yang menuju Pantai Timur, mereka

menunggu ketibaan bas dari TBS di perhentian tepi jalan di Greenwood, Gombak.

Begitu juga penumpang dari Pantai Timur yang hendak turun di Gombak dan sekitarnya akan diturunkan di tepi MRR2 berhampiran kawasan sama sebelum bas bergerak ke TBS.

Memang tidak selesa menunggu bas atau turun bas di kawasan yang bukan terminal bas sebenar. Malah bas ke Pantai Timur bertolak malam dan bas yang tiba dari sana pula sampai awal pagi. Ini sedikit merisaukan dari aspek keselamatan penumpang.

Oleh itu, kawan-kawan Kedai Kopi percaya pengoperasian TBG akan banyak melegakan penumpang.



AWAS! **JANGAN KLIK PAUTAN MENCURIGAKAN!**

PAUTAN MENCURIGAKAN BOLEH MENYEBABKAN:

-  **PENIPUAN & KECURIAN DATA**
-  **AKAUN BANK DIGODAM**
-  **PERISIAN HASAD (MALWARE) MENGAWAL PERANTI ANDA**

APA YANG PERLU DILAKUKAN?

-  **ABAIKAN & PADAM SMS TERSEBUT**
-  **SEMAK DENGAN PIHAK RASMI SEBELUM BERTINDAK**
-  **LAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA JIKA MENCURIGAKAN**
-  **LINDUNGI DIRI & DATA ANDA. JANGAN JADI MANGSA PENIPUAN!**





BARANG keperluan asas di Labuan adalah mencukupi terutama ketika musim perayaan.

Tiada isu kekurangan bekalan

BARANGAN KEPERLUAN ASAS MENCIUKUPI

KHAIRUL IDIN

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) memberi jaminan bekalan keperluan asas di Labuan mencukupi bagi menampung keperluan penduduk.

Pengarah KPDN Labuan, **Junaidah Arbain** berkata untuk itu tiada sebarang isu kekurangan bekalan berlaku khususnya sepanjang Ramadan dan Aidilfitri.

Menurut beliau bekalan seperti gula, tepung gandum dan minyak masak paket bersubsidi kekal mencukupi dan boleh didapati di mana-mana premis perniagaan.

"Berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan yang dijalankan mendapati bekalan adalah mencukupi untuk keperluan penduduk Labuan," katanya kepada Wilayahku.

Jelas Junaidah pihaknya juga tidak menerima sebarang aduan

sama ada melalui sistem e-Aduan atau semasa menjalankan pemeriksaan harian di premis-premis yang dilawati berkaitan bekalan serta tiada pembelian panik dilaporkan berlaku.

"Kilang tepung masih beroperasi seperti biasa dan tiada masalah pengeluaran, pemborong minyak masak polibeg dijangka menerima bekalan baharu selewat-lewatnya minggu kedua Mac ini.


"Bekalan semasa gula pasir kasar 1 kilogram (kg) di peringkat pemborong dianggarkan sebanyak 111,084kg. Bekalan baharu dianggarkan sebanyak 95,040kg dijangka diterima sebelum perayaan Aidilfitri," katanya.

Dalam perkembangan sama Junaidah turut memaklumkan pihaknya menyusun atur sekurang-kurangnya tujuh

penganjuran Program Jualan Rahmah MADANI (PJRM) sepanjang Ramadan bagi memudahkan serta membantu penduduk mendapatkan barangan keperluan asas dengan harga lebih murah.

Katanya KPDN Labuan telah melaksanakan PJRM sebanyak 22 kali sepanjang tahun ini.

"Bekalan yang disediakan bergantung dengan saiz pasar raya yang terlibat dan bekalan ini ditawarkan untuk kegunaan isi rumah.

"Sepanjang Ramadan ini sekurang-kurangnya tujuh PJRM akan diadakan termasuk PJRM Mega Raya yang melibatkan empat pasar raya sekali gus di lokasi yang sama bagi memberi peluang kepada masyarakat mendapatkan keperluan asas serta beberapa barangan terpilih bagi persediaan menyambut Aidilfitri," katanya. 

Tawar pelbagai juadah berbuka

SETIAP kali menjelang bulan puasa sudah tentunya bazar Ramadan menjadi lokasi pilihan orang ramai mendapatkan juadah berbuka.

Di Labuan, terdapat lebih empat lokasi bazar iaitu Bazar Ramadan @ Labuan Walk, Bazar Ramadan Layang-Layangan, Bazar Kompleks Ujana Kewangan dan Bazar Ramadan Kolej Matrikulasi Labuan.

Hasil tinjauan Wilayahku di beberapa bazar mendapati, orang ramai tidak melepaskan peluang berkunjung seawal pukul 3 petang untuk mendapatkan juadah berbuka puasa sama ada makanan tradisional mahupun sebaliknya.

Selain itu tinjauan mengenai harga makanan yang dijual oleh peniaga pula masih pada kadar berpatutan meskipun kos sara hidup masa kini meningkat.

Seorang pengunjung, **Rizzuan Nizam Nawawi**, 47, memilih berbelanja di bazar Ramadan kerana suasananya yang meriah.

"Bukan pergi setiap hari tetapi jika ada juadah yang diinginkan, saya dan isteri pasti datang. Ada banyak pilihan makanan terutama kuih-muih," katanya.

Fazli Ghaffar, 31, pula menyifatkan suasana bazar Ramadan khususnya


di Labuan Walk meriah selain menawarkan pelbagai juadah berbuka puasa.

"Antara bazar Ramadan yang sering saya kunjungi ialah di Labuan Walk kerana luas dan mudah. Setakat ini beberapa bazar Ramadan sudah saya kunjungi dan kesemuanya meriah manakala harga makanan berpatutan.

"Dari segi kebersihan, semuanya bersih dan terjaga, namun dari segi kemudahan tempat letak kenderaan itu sememangnya tidak mencukupi. Namun ia perkara biasa di mana-mana bazar Ramadan," katanya.

Penjawat awam, Mohd Asmadi Sabtu, 50, menzahirkan keterujaan dan memuji langkah yang dilaksanakan oleh Perbadanan Labuan dalam memastikan persekitaran, suasana dan susun atur gerai di bazar Ramadan berada dalam keadaan baik.

"Kalau dari segi meriah, saya rasa bazar Ramadan di Labuan Walk merupakan bazar utama di pulau ini dan setiap tahun kawasan ini sememangnya menjadi tumpuan utama masyarakat untuk mendapatkan juadah berbuka puasa.

"Dari segi kualiti juadah yang dijual oleh peniaga, semuanya baik," katanya. 



ORANG ramai mengunjungi Bazar Ramadan @ Labuan Walk.

JKNWPL laksana pemantauan jualan

JABATAN Kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan (JKNWPL) menerusi Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan di seluruh premis perniagaan di Labuan termasuk gerai bazar Ramadan sepanjang Ramadan dan perayaan Aidilfitri.

Menurut Timbalan Pengarah

Kesihatan Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan Jabatan Kesihatan Labuan, **Syazwani Md Hilmie**, pemeriksaan dan pemantauan itu tidak hanya memfokuskan kepada premis perniagaan sahaja.

Katanya ia turut membabitkan pemeriksaan dan pemantauan di seluruh lokaliti bazar Ramadan bagi

memastikan makanan yang dijual peniaga adalah bersih.


"Pihak kami akan melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan kesihatan di semua gerai-gerai makanan khususnya di lokaliti bazar Ramadan di Labuan.

"Dalam pelaksanaan itu, pihak kami turut melakukan persampelan makanan yang dijual di gerai dan

premis makanan untuk dihantar ke makmal untuk kita lihat tahap kebersihan makanan yang dijual itu selamat dimakan oleh orang ramai atau sebaliknya," katanya kepada Wilayahku, baru-baru ini.

Tambahnya sebelum menjelang Ramadan, pihaknya telah melaksanakan pemeriksaan dan pemantauan di premis-premis

pengeluar makanan seperti kilang ais dan mi kerana bekalan ini menjadi tumpuan utama para peniaga khususnya pada Ramadan.

Jelasnya pelaksanaan itu adalah bertujuan untuk memastikan premis pengeluar bekalan makanan ini mematuhi Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya. 

Bersama amalkan sikap tolak ansur

SIKAP tidak bertanggungjawab pemandu meletakkan kenderaan secara sembarangan di Dataran Putrajaya, menyebabkan laluan keluar terhalang selama lebih dua jam baru-baru ini mengundang rasa kesal ramai pihak.

Perkara itu tular di laman X dengan seorang pengunjung dikenali sebagai Zul Azri memberi nasihat kepada mana-mana pihak yang 'double park' atau meletakkan kenderaan yang menghalang lalu lintas supaya meninggalkan nombor telefon untuk dihubungi.

"Sekurang-kurangnya tinggalkan nombor telefon supaya senang dihubungi untuk tindakan lanjut," tulisnya.

Kejadian itu dipercayai berlaku pada Ahad lalu dengan ramai pengunjung bertungkus-lumus mengalihkan kenderaan yang tersekat akibat tindakan pemandu yang 'double park' tanpa meninggalkan nombor telefon.

Bertambah memilukan apabila antara

mereka yang membantu termasuk seorang lelaki yang mengalami masalah sakit tulang belakang serta adiknya yang berusaha memastikan kenderaan lain dapat keluar dari kawasan tersebut.

Zul Azri berkata mereka tiba di kenderaan sekitar pukul 7.50 malam untuk bergerak bagi menunaikan solat Maghrib.

Namun katanya laluan keluar terhalang oleh kenderaan berkenaan dan berjaya membawa keluar keretanya pada pukul 8.30 malam.

Bertambah menyedihkan apabila beberapa pengunjung terpaksa berbuka puasa hanya dengan air mineral kerana sibuk membantu mengalihkan kenderaan yang tersangkut.

Beberapa keluarga yang telah membuat tempahan bufet berbuka di restoran terpaksa membatalkan tempahan mereka kerana tidak dapat keluar dari kawasan itu sejak sekitar pukul 6 petang. 🚗



PENGUNJUNG meluahkan rasa kesal terhadap sikap pemandu kereta yang sembarangan 'double park' di Dataran Putrajaya pada Ahad.

PRAFF 2025 himpun keunikan tradisi kulineri

RAI KEPELBAGAIAN RASA ASEAN

SABRINA SABRE

BERSEMPENA Kepengeruisan ASEAN Malaysia, pihak Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) dengan kerjasama Putrajaya Leisures & Services Group Sdn Bhd (PULSE Group), anak syarikat milik penuh Perbadanan Putrajaya (PPj), menganjurkan Festival Makanan Ramadan ASEAN (PRAFF) 2025.

Ketua Eksekutif PULSE Group, **Abdul Rahim Md Junoh** berkata ia berlangsung di beberapa lokasi utama seperti The Everly Putrajaya, DoubleTree by Hilton Putrajaya Lakeside, Pulse Grande Hotel dan PICC.

"Ia bertujuan meraikan kepelbagaian budaya ASEAN melalui keunikan tradisi kulineri sekali gus menyatukan masyarakat dalam semangat perpaduan dan penghargaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui semasa Program 'Drive-Thru' Bubur Lambuk Percuma yang

diadakan di PICC baru-baru ini.

Sebanyak 5,000 bungkus bubur lambuk diberikan secara pandu lalu kepada komuniti Putrajaya dan ia sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat (CSR) PULSE Group dan anak syarikat, Convention & Exhibition (Putrajaya) Sdn Bhd (Co-X).

Program itu diadakan bertujuan mendekati masyarakat dan berkongsi kemeriahan Ramadan.

Turut hadir menyempurnakan majlis, Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud.

Abdul Rahim memberitahu bahawa acara yang menghimpunkan cita rasa ASEAN itu penting bagi menyemarakkan perpaduan kalangan negara anggota.

Terdahulu, pengagihan bubur lambuk yang bermula pada pukul 4 petang 'licin' dalam masa dua jam.

Jelas Abdul Rahim tahun ini pihaknya meningkatkan jumlah

edaran bubur lambuk sebanyak 5,000 bungkus berbanding tahun lepas iaitu 3,000 bungkus.

Katanya ia bersempena meraikan tahun ke-10 agihan selain daripada sambutan yang menggalakkan serta maklum balas positif daripada penduduk warga Putrajaya yang menikmati juadah tersebut.

"Program sebegini bukan sahaja memberi manfaat dalam menjalankan ibadah bersedekah, malah dapat menitipkan semangat kerjasama serta jalinan silaturahim antara kakitangan dan warga Putrajaya," katanya.

Menurutnya resipi bubur lambuk PICC ini masih dikekalkan seperti tahun sebelumnya dan berikutan daripada penambahan edaran kuantiti pada tahun ini, jumlah bahan yang disediakan adalah sebanyak 200 kilogram (kg) beras dan lebih 80kg daging digunakan yang dimasak di dalam lapan periuk.

"Seperti semua sedia maklum, saban tahun, menjadi kebiasaan PICC menjadi lokasi berbuka puasa dengan menawarkan bufet Ramadan Cita Rasa Klasik yang mengetengahkan sajian melayu klasik.

"Justeru kami ingin menjemput

orang ramai untuk menikmati juadah berbuka puasa dengan lebih daripada 120 jenis menu yang bermula pada 2 hingga 28 Mac ini dengan tawaran harga promosi dilanjutkan sehingga 14 Mac yang berharga RM98 untuk dewasa dan RM49 (kanak-kanak)," katanya. 🍴



FADLUN mengagihkan bubur lambuk secara pandu lalu di PICC, Putrajaya.

HARGA PEMBELIAN AWAL	HARGA BIASA
1 JAN 2025 - 2 MAC 2025	3 MAC - 28 MAC 2025
DEWASA RM 98	DEWASA RM 109
KANAK-KANAK (6-12 Tahun) / WARGA EMAS RM 49	KANAK-KANAK (6-12 Tahun) / WARGA EMAS RM 55

KARNIVAL Cita Rasa Kita
SEPERANGKAP EXHIBISIAN DI PICC

UNTUK TEMPAHAN DAN PERTANYAAN
+603-8887 6000
+6013-529 9496

ROSMA SIDIK
ARTIS RESIDEN

Beri galakan terlibat dalam sukan, aktiviti interaktif

JANGAN 'SOROK' ANAK OKU

SABRINA SABRE

ANAK-ANAK kategori orang kurang upaya (OKU) intelektual tidak seharusnya dibiarkan atau hidup terasing di rumah sebaliknya perlu digalakkan terlibat dalam sukan atau aktiviti interaktif lain.

Demikian teguran Presiden Olimpik Khas Malaysia Cawangan Putrajaya (SOPj), **Raaginee Shalesh** terhadap ibu bapa yang memiliki anak-anak kategori tersebut.

Malah menurut beliau penglibatan dalam sukan dan aktiviti sosial dapat membantu anak-anak berkeperluan khas itu membina keyakinan diri.

"Ini juga dapat meningkatkan kualiti hidup dengan memberi mereka peluang mempamerkan bakat serta kebolehan," katanya.

Walau bagaimanapun pihaknya kesal dengan sikap sesetengah ibu bapa yang masih keberatan mendaftarkan anak mereka di Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bagi mendapatkan kad OKU.

"Olimpik Khas menyediakan platform untuk kanak-kanak berusia lapan tahun dan ke atas untuk terlibat dalam sukan.

"Setiap orang berpeluang untuk terlibat dalam aktiviti dengan syarat yang minimum sebagai galakan, dengan beberapa peraturan

dikenakan bagi pertandingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa," katanya.

Menurutnya mereka boleh bermula di kejohanan peringkat negeri, kemudian berkembang ke peringkat kebangsaan, serantau dan akhirnya Sukan Olimpik Khas Dunia.

"Olimpik Khas bukan hanya sekadar sukan, ia juga menumpu kepada pendidikan dan saringan kesihatan termasuk pemeriksaan mata dan telinga bagi menjamin kesejahteraan mereka secara menyeluruh," katanya.

Raaginee berkata kanak-kanak berkenaan biasanya akan dirujuk ke SOPj oleh sekolah, Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) dan badan bukan kerajaan (NGO).

"Pembabitan mereka dalam sukan bukan sahaja menggalakkan perkembangan positif malah memberi pengiktirafan dan peluang untuk mereka berjalan termasuk ke luar negara," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata atlet SOPj telah meraih 11 pingat termasuk tiga emas sekali gus membantu Malaysia pulang dengan 20 pingat pada Kejohanan Boccia dan Bowling Asia Pasifik Olimpik Khas di New Delhi pada November lepas.


"Selain itu, kira-kira 80 atlet



GALAKAN daripada ibu bapa dapat membina keyakinan diri dan meningkatkan kualiti hidup anak OKU. - Gambar hiasan

menyertai Sukan Tahunan SOPj peringkat negeri pada 23 Februari lepas untuk bertanding dalam pelbagai jenis sukan seperti 'bocce',

badminton, softball dan olahraga. "Atlet yang terpilih pada acara di peringkat negeri akan bertanding di peringkat kebangsaan yang

dijangka diadakan di Ipoh, Perak pada Jun depan. Ini merupakan peluang terbaik untuk kanak-kanak ini ke peringkat seterusnya," katanya. 

16 pasukan berentap dalam Piala Esports Malaysia 2025

PERSEKUTUAN Sukan Elektronik Malaysia (MESF) mengumumkan penganjuran Piala Esports Malaysia 2025 yang mempertemukan pasukan terbaik dalam permainan Mobile Legends: Bang Bang bermula 15 hingga 23 Mac ini.

MESF memaklumkan kejohanan itu diadakan dengan sokongan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) serta Liga Profesional MLBB (MPL) Malaysia.

"Penganjuran ini antara inisiatif memperkasa industri e-sukan tempatan,

selain menjadi platform utama pemain profesional dan semi-profesional mempamerkan bakat serta kemahiran mereka di peringkat kompetitif.


"Sebanyak 16 pasukan dengan masing-masing lapan pasukan dari Liga MPL Malaysia dan Liga Akademi MLBB (MAL) akan bersaing dalam format yang kompetitif, sekali gus menjanjikan aksi sengit serta strategi permainan mengagumkan," katanya.

Selain itu, MESF memaklumkan tiga peringkat utama akan dimainkan oleh

pasukan bertanding.

"Peringkat kumpulan dari 8 hingga 11 Mac, 16 pasukan akan bertanding secara dalam talian di peringkat kumpulan dengan format Round-Robin BO3.

"Peringkat Play-In dari 14 hingga 16 Mac, lapan pasukan yang layak akan ke peringkat play-in dengan format *double-elimination*," katanya.

Sementara peringkat akhir iaitu dari 22 hingga 23 Mac menyaksikan aksi kemuncak kejohanan ini akan diadakan di Pavilion Exhibition Centre, Bukit Jalil. 



ESPORTS sukan pilihan masa kini.

KL City kekal status kelab elit

KUALA Lumpur City FC (KL City FC) menegaskan komitmennya untuk mengekalkan status sebagai kelab elit dalam saingan Liga Super Malaysia.

Untuk itu kelab tersebut mengambil maklum kenyataan dibuat Presiden Persatuan Bolasepak Kuala Lumpur (KLFA) dalam kapasiti peribadi.


Malah jelasnya sebarang keputusan mengenai masa depan kelab hanya akan ditentukan melalui mesyuarat rasmi Lembaga Pengarah.

"Sebarang ketetapan berhubung masa hadapan kelab ini hanya akan ditentukan melalui keputusan rasmi mesyuarat di peringkat Lembaga Pengarah termasuk kesepakatan dalam kalangan pemegang kepentingan utama.

"Hal ini bagi memastikan kelestarian dan hala tuju kelab ini mengambil kira kepentingan terbaik penyokong setia City Boys, pemain, jurulatih, pengurus, penaja dan rakan kongsi kami," katanya.

Dalam masa sama, kelab itu turut menghargai kenyataan Penaung KL City FC yang juga Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil, pada 17 Oktober 2024 semasa Majlis Malam Eksklusif Kepimpinan Baharu KLFA yang menzahirkan aspirasinya untuk menjadikan KL City FC sebagai sebuah kelab ternama.

"Komitmen, sokongan dan visi beliau amat tidak ternilai dalam memacu perkembangan serta kejayaan jangka panjang kelab ini," katanya.

Sebelum ini Presiden KLFA, Syed Yazid Syed Omar mengeluarkan kenyataan bahawa KL City FC mungkin akan beraksi di liga bawahan dan tidak lagi bersaing dalam Liga Super sebagai langkah menyelesaikan isu tunggakan gaji pasukan. 

MNASIR LAKAR SEJARAH JAYAKAN KONSERT RAYA

SERIMAH SALLEHUDDIN

SELEPAS mengukir kejayaan pada konsert M N46IR Cipta 2 di Axiata Arena, Bukit Jalil pada Oktober tahun lalu, maestro muzik **Datuk M Nasir** bakal melakar satu lagi sejarah apabila menjadi artis pertama mengadakan konsert yang menghadirkan rangkaian lagu raya.

Konsert dikenali sebagai Dato M N46IR Cipta Raya itu bakal berlangsung pada 13 April ini iaitu ketika umat Islam masih berada dalam 'mood' Syawal bertempat di Zepp KL.

Dalam konsert yang bakal berlangsung lebih dua jam, penyanyi berusia 67 tahun itu dijangka mendendangkan kira-kira 20 lagu raya nyanyiannya sendiri serta lagu yang pernah dicipta untuk penyanyi lain.

Menurut penyanyi yang turut mendapat julukan 'sifu' itu, dia tidak berfikir panjang apabila pengasas Icon Entertainment, Iman Tang mengemukakan cadangan mengadakan konsert yang merupakan 'spin off' kepada M N46IR Cipta 2.

"Saya hanya angguk apabila Iman usulkan cadangan itu (konsert).

"Kami tidak berkomunikasi pun, dia (Iman) hanya berurusan dengan orang sekeliling.

"Saya anggap tawaran menyanyi sebagai kerja saja. Vokalis Rolling Stones, Mig Jagger pun masih menyanyi lagi kalau dia masih boleh.

"Saya pun hanya terima jika

kena dengan waktu kerana saya pun ada buat kerja-kerja lain," katanya yang ditemui pada majlis sidang media pengumuman Konsert M45IR Cipta Raya di Shook, Bukit Bintang.

Penyanyi yang sudah lebih empat dekad berada dalam arena muzik tanah air serta memiliki hampir 3,000 koleksi lagu itu berpendapat penganjuran konsert yang bertemakan lagu raya tidak harus dipertikaikan.

"Kenapa tidak? Kalau televisyen boleh siarkan program lagu-lagu raya, kita pun boleh buat konsert bertemakan lagu raya.

"Saya ada syorkan untuk nyanyi lagu bukan ciptaan saya. Saya minat lagu raya daripada Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Allahyarham Datuk Ahmad Jais dan dR Sam," katanya.

Berkongsi lanjut mengenai repertoire lagu malam itu, kata M Nasir dia mempunyai 'team' yang akan menyenaraikan lagu-lagu bakal dibawakan.

M Nasir juga berkata dia mahu menggunakan kesempatan melalui konsert itu untuk memperkenalkan lagu-lagu raya ciptaannya yang mungkin tidak diketahui oleh peminat.

"Mungkin saya boleh pertimbangkan cadangan menyanyikan lagu Selamat Hari Raya daripada kumpulan Al Jawaher. Ramai tidak tahu saya merupakan pencipta lagu itu.

"Apa yang akan saya nyanyikan malam itu adalah tentang nostalgia,

sentimental, kesyahduan, kegembiraan dan silaturahmi.

"Elemen itulah yang membuat lagu Satu Hari Di Hari Raya menjadi lagu paling popular, nak diikuti populariti lagu itu berlaku secara tidak sengaja.

"Lagu itu pada mulanya diisi dalam album raya Polygram, kemudian apabila saya bersama BMG, lagu itu dimuatkan pula dalam album bersama label itu tetapi kesyahduan lagu itu ditambah dengan tiupan seruling daripada Mohar," katanya.

Sementara itu, Iman Tang selaku penganjur pula berkata cadangan mengadakan konsert itu bukan atas desakan M Nasir.

Sebaliknya idea timbul selepas lagu Satu Hari Di Hari Raya menjadi fenomena ketika konsert M N46IR Cipta 2.

"Cipta Raya adalah sebuah *spin off* daripada konsert beliau sebelum ini. Pada lagu terakhir konsert itu, M Nasir menyanyikan lagu Satu Hari Di Hari Raya yang menjadi fenomena selama berminggu-minggu pada tahun lalu.

"Dari situ timbul ilham untuk adakan konsert ini dan kebetulan M Nasir mempunyai banyak karya lagu raya sama ada nyanyiannya sendiri atau dicipta untuk penyanyi lagi, jadi kenapa tidak dianjurkan saja Cipta Raya," katanya.


Bertemakan 'glam raya', Iman Tang menggalakkan peminat datang dengan pakaian raya yang glamor bagi menghidupkan lagi konsert. 



FOTO: ICON Entertainment

Kali kedua sertai misi kemanusiaan di bumi Syria, Zizi Kirana tawakal

DOA penyanyi **Zizi Kirana** untuk sekali lagi menyertai misi bantuan kemanusiaan ke Syria sempena Ramadan tahun ini dimakbulkan.

Zizi yang berangkat ke Syria bersama tim Cinta Syria Malaysia pada 11 Mac lalu mengakui teruja untuk menghantar barangan bantuan yang telah disumbangkan kepada mangsa yang terjejas akibat konflik berterusan.

"Kami masuk melalui Beirut, Lubnan bagi menghantar barangan-barangan bantuan yang telah disumbangkan oleh rakyat Malaysia kepada saudara kita di Syria. Mereka sedang bergelut dengan kehidupan dan konflik," katanya.

Peristiwa serangan bom di Syria pada Ramadan tahun lalu sedikit pun tidak mematahkan semangat Zizi untuk kembali menyertai misi sama tahun ini.

"Pengalaman berada dalam situasi di mana berlakunya serangan bom, satu pengalaman yang tak mungkin saya lupakan. Bermacam-macam perasaan yang dirasakan dalam diri.

"Untuk kali ini, saya telah buat persiapan dari segi mental seperti tahun lepas. Saya memang berniat untuk hantar bantuan dan melihat keadaan sebenar di Syria.

"Bila tempat kami dibom tahun lepas, kejadian itu memang buat kami terkedu seketika. Siapa tak takut. Kata mereka, jika serangan bom ini bermula, akan ada serangan susulan.


"Walaupun berada dalam keadaan bahaya, situasi itu yang mengajar saya untuk berserah

kepada Allah. Saya tawakal sahaja bila sertai misi ini," katanya.

Zizi akui hatinya kuat berpegang dan yakin dengan Allah selain pasrah jika ditakdirkan dengan sebarang kemungkinan apabila berada dalam saat-saat cemas.

"Allah Maha Baik. Bila saya lalui insiden bom itu, panik itu sudah tentu. Kita tak pernah dengar bunyi bom sekuat itu. Bila kita rasa sendiri, baru saya tahu, inilah situasi biasa yang selalu mereka hadapi.

"Saya baru sekali. Bayangkan mereka setiap hari berdepan situasi cemas dan mendebarkan.

"Rasa takut itu memang ada. Ketika situasi serangan bom tahun lepas, hanya empat orang sahaja dari Malaysia. Kami berfikir, kalau syahid pun tak mengapalah. Harap segalanya dipermudahkan. Itulah apa yang ada dalam pemikiran kami," katanya. 





**JANGAN BIARKAN ANAK
OKU HIDUP TERASING** ▶▶ 22



**MINASIR LAKAR
SEJARAH JAYAKAN
KONSERT RAYA** ▶▶ 23

Pesta ibadah untuk seluruh umat Islam

JATI DIRI BERDEPAN RAMADAN

PROFESOR MADYA DR KHADHER AHMAD

KETIBAAN bulan Ramadan merupakan tempoh waktu yang ditunggu-tunggu oleh orang Islam. Bulan Ramadan merujuk kepada satu ketetapan ibadah yang diwajibkan untuk semua orang Islam berpuasa iaitu menahan diri daripada lapar dan dahaga serta perkara-perkara yang membatalkan amalan puasa berkenaan.

Sesuai dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Baqarah ayat 183 yang bermaksud: *"Wahai orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa"*.

Sebagai seorang Muslim, kedatangan bulan Ramadan amat perlu disyukuri kerana bulan ini satu-satu bulan di mana umat Islam diperintah untuk mengerjakan ibadah puasa secara menyeluruh.

Sama ada dari kalangan orang kaya atau fakir dan miskin, tanpa mengira bangsa dan keturunan. Sehingga boleh dikatakan bahawa bulan Ramadan adalah satu pesta ibadah untuk seluruh umat Islam.

Sebagai orang Muslim yang taat kepada perintah Allah dan berusaha merealisasikan ajaran Nabi Muhammad SAW, Ramadan menjadi satu wadah ibadah yang sangat penting. Hal ini kerana pelbagai saranan yang dituntut untuk kita lakukan pada bulan ini.

Bahkan, sehingga ada amalan atau perkara yang diminta untuk kita kejar dan berusaha untuk mendapatkannya seperti berusaha



mencari lailatulqadar pada 10 malam terakhir yang merupakan satu kesempatan yang hanya ada pada bulan ini sahaja.

Selain daripada menunaikan kewajipan ibadah puasa yang difardukan itu, sepanjang bulan Ramadan dituntut untuk kita melaksanakan solat tarawih, melakukan qiamullail setiap malam, bertilawah Al-Quran dan kalau boleh sehingga dapat khatam sepanjang Ramadan, membanyakkan sedekah khususnya menjamu makan orang yang berpuasa berbuka puasa, menginfak harta dan tenaga dan sebagainya.

Sebab itu kita boleh gambarkan bulan Ramadan merupakan bulan pesta dalam ibadah bagi umat Islam.

Walaupun demikian sebagai seorang Muslim, ketika menghampiri bulan Ramadan dan berada di dalam bulan ini, apakah kita telah mempersiapkan diri untuk bulan ini?

Dari itu ada beberapa perkara yang boleh untuk kita sama-sama bersiap sedia bagi memastikan bahawa bulan Ramadan tahun ini adalah bulan yang terbaik dalam meraih pesta ibadah yang dimaksudkan. Pada masa yang sama dapat mencapai nilai ketakwaan yang dijanjikan pada bulan ini.

Berada di dalam bulan Ramadan, doa yang Nabi SAW sentiasa panjatkan adalah: *"Ya Allah, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Pemurah dan suka mengampuni, maka ampunilah aku"*.

Doa ini boleh dibaca sepanjang bulan Ramadan.

Jadi sebagai orang beriman, bulan puasa adalah ruang dan peluang keemasan yang ditunggu-tunggu bersama dengan perancangan yang disusun atur bagi memaksimumkan ibadah dalam bulan ini.

Bahkan juga merancang untuk tidak melakukan kejahatan, kemungkaran dan kezaliman kepada orang lain, termasuk kepada binatang sekalipun.

Mungkin peluang bulan Ramadan ini digunakan untuk mengerjakan umrah yang mana pahala mengerjakan umrah pada bulan ini adalah sama dengan pahala mengerjakan ibadah haji.

Justeru sangat wajar kita

merancang untuk melakukan pelbagai amalan yang dapat melipatgandakan pahala di bulan ini.

Ia termasuk amalan-amalan khusus yang sangat disarankan, yang hanya ada pada bulan ini sahaja seperti solat tarawih, membayar zakat fitrah, mencari lailatulqadar dengan melakukan qiamullail pada 10 malam terakhir atau melazimi setiap malam sepanjang Ramadan, bersahur dan sebagainya.

Hal ini kerana antara amalan-amalan itu, hanya dapat dilakukan pada bulan Ramadan, tidak pada bulan-bulan yang lain.

Selain itu memasang niat yang ikhlas kepada Allah SWT dalam melakukan apa sahaja sepanjang bulan Ramadan.

Bahkan meletakkan dalam hati bahawa kemungkinan Ramadan ini adalah Ramadan terakhir, dan kemungkinan tiada lagi Ramadan bagi kita selepas ini. Hal ini kerana, sebagai seorang Muslim, kita tidak dapat menjamin sama ada kita masih hidup atau bila akan mati.

Semuanya di bawah ketentuan Allah SWT. Jadi, sebagai hamba yang taat dan patuh, kita akan bertekad sepenuh jiwa untuk meraih sebanyak mungkin pahala pada bulan ini.

Atas alasan bahawa ia adalah peluang terakhir yang kemungkinan selepas ini tiada lagi Ramadan buat kita.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!

IMBAS KOD QR